

Prestasi dan Prospek Ekonomi

LAPORAN EKONOMI



Imbasan

Pertumbuhan ekonomi kekal teguh...

Ekonomi Malaysia kekal berdaya tahan dengan mencatat pertumbuhan lebih tinggi dalam keluaran dalam negeri kasar (KDNK) pada separuh pertama tahun 2003, walaupun persekitaran ekonomi luar kurang memberangsangkan. Sungguhpun wabak Sindrom Penafasan Akut Yang Teruk (SARS) serantau membawa kesan negatif sementara terhadap industri berkaitan dengan pelancongan, ianya tidak memberi kesan yang ketara kepada prestasi ekonomi secara keseluruhannya pada separuh pertama tahun ini. Sentimen pengguna dan peniaga dijangka terus meningkat berikutan dengan terkawalnya SARS dan jangkaan prospek ekonomi dunia yang lebih baik pada separuh kedua tahun ini. Oleh itu, pertumbuhan yang terus kukuh dijangkakan pada separuh kedua tahun 2003 dengan anggaran pertumbuhan keseluruhan sebanyak 4.5% pada tahun 2003. Pertumbuhan dijangka menyeluruh dengan didorong sebahagian besarnya oleh output sektor perkhidmatan dan pembuatan.

Prestasi ekonomi yang teguh disokong oleh permintaan domestik yang lebih kukuh dan pertumbuhan sektor luar yang sederhana, mencerminkan kesan kumulatif langkah polisi fiskal dan kewangan mengembang. Pertumbuhan ini dicapai dalam persekitaraan inflasi yang rendah dan keadaan pasaran buruh yang stabil. Kenaikan seterusnya dalam rizab antarabangsa berikutan peningkatan lebihan akaun semasa, harga komoditi yang tinggi serta pemodalan yang lebih baik dan penstrukturan semula sektor perbankan dan korporat, telah mengukuhkan asas makroekonomi. Selaras dengan pengembangan yang tinggi dalam aktiviti ekonomi, pendapatan negara dijangka meningkat 7.1% kepada RM359,259 juta dengan pendapatan per kapita

meningkat 4.8% kepada RM14,343 (2002: 6.4%;, RM13,683), membawa kepada taraf hidup yang lebih tinggi. Justeru, pariti kuasa beli per kapita dijangka meningkat lagi sebanyak 6% kepada USD9,390 (2002: 6.3%, USD8,862).

Prestasi Permintaan Domestik

Penggunaan mapan memacu permintaan domestik untuk menyokong pertumbuhan yang lebih kukuh...

Sepertimana tahun-tahun lepas, dalam persekitaran luar yang semakin tidak menentu, perbelanjaan dalam negeri berperanan sebagai penyumbang utama kepada pertumbuhan ekonomi. Prestasi ekonomi secara keseluruhannya semakin berdaya tahan dengan permintaan domestik yang terus menjana pertumbuhan dalam keadaan sektor luar yang lemah. Berikutan keyakinan pelabur dan pengguna yang semakin bertambah, ditingkatkan lagi dengan pengumuman Pakej Strategi Baru ke arah merangsang pertumbuhan ekonomi negara (Pakej) dengan mengembeling pertumbuhan dalam negeri, **permintaan domestik** (tidak termasuk perubahan dalam stok) dijangka meningkat 5% dan menyumbang 4.5% kepada pertumbuhan KDNK, seperti di *Jadual 2.1*.

Selepas dua tahun prestasi yang kurang memberangsangkan, pertumbuhan **perbelanjaan sektor swasta** dijangka meningkat kepada 4.6%, menyumbang 2.6 mata peratusan kepada pertumbuhan KDNK (2002: 0.4 mata peratusan), hasil peningkatan mapan penggunaan dan pemulihan aktiviti pelaburan. Dengan jangkaan peningkatan kukuh sebanyak 5.8%, **perbelanjaan sektor awam** dijangka menyumbang 1.9 mata peratusan kepada pertumbuhan KDNK.

JADUAL 2.1

Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Mengikut Agregat Permintaan (pada harga benar 1987)

	Perubahan (%)			Sumbangan Kepada Pertumbuhan KDNK (%)			Bahagian Kepada KDNK (%)		
	2002	2003 ¹	2004	2002	2003 ¹	2004	2002	2003 ¹	2004
KDNK	4.1	4.5	5.5-6.0	4.1	4.5	5.5-6.0			
Permintaan Dalam Negeri ²	4.2	5.0	4.7	3.7	4.5	4.3	89.6	90.0	89.4
Perbelanjaan Swasta	0.7	4.6	7.5	0.4	2.6	4.3	56.8	56.9	58.0
Penggunaan	4.4	5.2	7.0	2.0	2.4	3.3	46.5	46.8	47.5
Pelaburan	-13.1	2.0	9.9	-1.6	0.2	1.0	10.3	10.1	10.5
Perbelanjaan Awam	10.8	5.8	-0.1	3.3	1.9	0.0	32.8	33.1	31.4
Penggunaan	12.2	7.2	4.9	1.6	1.0	0.7	14.3	14.6	14.6
Pelaburan	9.8	4.6	-4.1	1.7	0.9	-0.7	18.5	18.5	16.8
Perubahan dalam Stok				2.5	-0.9	0.3	1.6	0.7	0.9
Sektor Luar	-18.9	10.2	9.9	-2.1	0.9	0.9	8.8	9.3	9.7
Eksport ³	3.6	1.0	5.9	3.9	1.1	6.2	107.5	103.9	104.4
Import ³	6.2	0.2	5.6	6.0	0.2	5.3	98.7	94.6	94.7
KDNK (RM bilion, harga semasa)	360.7	385.8	411.1						
Perubahan (%)	7.9	7.0	6.6						

¹ Anggaran.

² Tidak termasuk perubahan dalam stok.

³ Barangan dan perkhidmatan bukan faktor.

Penggunaan swasta dijangka berkembang dengan kadar yang lebih tinggi sebanyak 5.2% pada tahun 2003 berbanding 4.4% pada tahun 2002, walaupun terdapat kesan negatif akibat ketidakpastian di peringkat antarabangsa disebabkan oleh pencerobohan di Iraq dan penularan wabak SARS. Prestasi yang kukuh ini disokong sebahagian besarnya oleh peningkatan pendapatan boleh guna hasil daripada kerancangan aktiviti ekonomi domestik, harga komoditi yang menggalakkan dan kesan kekayaan positif melalui peningkatan pasaran saham. Pengumuman Pakej pada bulan Mei 2003, termasuk pemotongan sumbangan caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) sebanyak 2%, pemberian setengah bulan bonus kepada kakitangan awam dan penurunan kadar faedah bagi menggalakkan penggunaan, dijangka menyumbang kepada pengukuhan prestasi penggunaan pada tahun ini. Peningkatan sentimen pengguna dicerminkan oleh


beberapa penunjuk utama penggunaan, termasuk import barangan penggunaan, pengeluaran peti sejuk isi rumah dan penggunaan kad kredit yang meningkat antara 2.1% hingga 18.5% pada separuh pertama tahun ini, seperti di *Carta 2.1*.

Selaras dengan keyakinan pelabur dan kekukuhan sektor korporat, **pelaburan swasta** dijangka kembali pulih dan meningkat sederhana sebanyak 2%, selepas mencatat pertumbuhan negatif selama dua tahun berturut-turut.

Peningkatan pelaburan swasta dicerminkan oleh beberapa penunjuk pelaburan utama. Ini termasuk import barangan modal (tidak termasuk peralatan pengangkutan), jualan kenderaan perdagangan, besi dan keluli utama, produk simen dan konkrit dan pengeluaran konkrit campuran siap yang meningkat antara 5.7% dan 16.5% separuh pertama tahun ini, seperti di *Carta 2.2*.

CARTA 2.1


Penunjuk Penggunaan Swasta



¹ Pada tempoh akhir tahun dan pada 25 Ogos 2003.

CARTA 2.2

Penunjuk Pelaburan Swasta



JADUAL 2.2

Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Mengikut Sektor (pada harga benar 1987)

	Perubahan (%)			Sumbangan Kepada Pertumbuhan KDNK mata peratusan			Bahagian Kepada KDNK %		
	2002	2003 ¹	2004	2002	2003 ¹	2004	2002	2003 ¹	2004
Pertanian, perhutanan dan perikanan ²	3.0	2.3	3.0	0.2	0.2	0.3	8.4	8.2	8.0
Perlombongan	3.7	4.5	3.5	0.3	0.3	0.3	7.2	7.2	7.1
Perkilangan	4.0	6.5	7.2	1.2	1.9	2.2	30.1	30.6	31.1
Pembinaan	2.3	2.5	2.6	0.1	0.1	0.1	3.3	3.3	3.2
Perkhidmatan	4.1	4.2	5.5	2.3	2.4	3.1	57.0	56.8	56.8
(-) Bayaran perkhidmatan yang dikenakan	5.3	5.7	6.9	0.4	0.5	0.6	8.5	8.6	8.7
(+) Cukai import	16.7	2.6	7.1	0.4	0.1	0.1	2.5	2.5	2.5
KDNK	4.1	4.5	5.5-6.0	4.1	4.5	5.5-6.0	100	100	100

¹ Anggaran.

² Termasuk ternakan dan hortikultur.

Jumlah permohonan bagi projek pelaburan dalam sektor pembuatan yang diterima oleh Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) telah meningkat 57.6%. Sejumlah RM9.7 bilion telah dicatatkan untuk separuh pertama tahun ini (Januari-Jun 2002: RM6.2 bilion). Pelaburan domestik kekal tinggi iaitu 59.3% atau RM5.8 bilion daripada pelaburan baru, mencerminkan polisi Kerajaan dalam menggalakkan pelaburan tempatan sebagai pemangkin pertumbuhan. Sebahagian besar projek yang dipohon adalah dalam industri elektrik dan elektronik, kelengkapan pengangkutan, keluaran makanan, keluaran mesin, produk getah, produk galian bukan logam serta sektor kecil petroleum dan petrokimia. Permohonan pelaburan oleh pelabur dijangka meningkat lebih tinggi pada separuh kedua tahun ini, memandangkan tiada lagi ketidaktentuan global dengan tamatnya pencerobohan di Iraq dan berakhirnya penularan wabak SARS.

Bagi mencapai bajet berimbang dalam jangka sederhana, pertumbuhan perbelanjaan awam

dianggap lebih perlahan sebanyak 5.8% berbanding 10.8% pada tahun 2002. Oleh itu, pelaburan awam akan hanya berkembang 4.6%, manakala penggunaan sebanyak 7.2%.

Prestasi Mengikut Sektor

Pertumbuhan akan menjadi lebih menyeluruh dengan pembuatan dan perkhidmatan sebagai pendorong...

Dari segi penawaran, pertumbuhan adalah menyeluruh, dengan perkembangan yang lebih tinggi dalam sektor pembuatan, perkhidmatan dan perlombongan serta pembinaan. Setelah berkembang sebanyak 5.9% pada separuh pertama 2003, sektor pembuatan dijangka mencatatkan pertumbuhan sebanyak 6.5% pada tahun 2003, berikutan prospek ekonomi dunia yang lebih baik dan pemulihan berterusan dalam sektor elektronik. Sektor perkhidmatan, yang bertambah pulih daripada impak SARS pada suku kedua dijangka mencatat pertumbuhan lebih

tinggi pada kadar 4.2%. Pertumbuhan dalam sektor ini dijangka didorong oleh kegiatan sektor kewangan, insurans, harta tanah dan perkhidmatan perniagaan serta utiliti selaras dengan perkembangan sektor pembuatan dan permintaan domestik yang bertambah baik.

Sementara itu, pengeluaran lebih tinggi minyak sawit mentah disokong secara besarnya oleh permintaan luar dan domestik yang meningkat serta harga yang lebih tinggi dijangka menyumbang ketara kepada sektor pertanian yang meningkat sebanyak 2.3%. Nilai ditambah sektor perlombongan dijangka meningkat pada kadar 4.5%, didorong oleh pengeluaran gas asli yang lebih tinggi dengan pengeluaran baru oleh loji ketiga gas asli cecair (MLNG3) di Bintulu. Sektor pembinaan dijangka mencatatkan pertumbuhan yang lebih kukuh pada kadar 2.5%, didorong oleh pengembangan projek infrastruktur dan pemulihan minat dalam aktiviti perumahan berikutan pelaksanaan beberapa insentif untuk industri dalam Pakej.


Sektor Pembuatan

Output sektor pembuatan kekal kukuh dengan industri beranjak kepada produk nilai ditambah lebih tinggi...

Sektor pembuatan Malaysia kini bersedia menuju ke arah masa hadapan yang lebih cerah dengan output terus mengukuh sejak Februari tahun ini, seperti di *Carta 2.3*, disebabkan pertumbuhan lebih tinggi industri berorientasi domestik dan prestasi lebih baik industri berorientasi eksport. Industri berorientasi domestik mencatat pertumbuhan dua angka, didorong oleh penggunaan tinggi dalam makanan dan minuman, dan permintaan berterusan bagi industri berkaitan pembinaan, khususnya galian bukan logam seperti simen dan konkrit, serta pertumbuhan lebih tinggi keluaran logam ditempa, dalam suku kedua 2003. Dengan bertambahnya aktiviti sektor pembuatan, permintaan bagi gas asli melonjak naik dan menyumbang kepada pertumbuhan tinggi industri berorientasi domestik, terutamanya bagi sektor kecil gas perindustrian. Industri

CARTA 2.3

Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP) (% perubahan tahunan)



Sumber: Jabatan Perangkaan.

berorientasi eksport juga menunjukkan prestasi lebih baik bagi 2003 dan mencatat pertumbuhan sederhana dalam tempoh enam bulan pertama, berikutan pemulihan keluaran getah dan industri tekstil, terutamanya pakaian.

Pada keseluruhannya, output sektor pembuatan berkembang sebanyak 7.8% dalam tempoh enam bulan pertama (Januari-Jun 2002: 1.4%). Pertumbuhan lebih baik dari jangkauan ini adalah

hasil pengeluaran lebih tinggi sebanyak 7.9% dalam suku kedua 2003 (suku kedua 2002: 6.5%). Jumlah nilai keluaran siap dan sedang diproses adalah kira-kira 53%, atau tidak sampai sebulan stok jualan sebanyak RM27,694.8 juta pada bulan Jun. Kedudukan stok yang rendah dan pertumbuhan lebih menyeluruh permintaan luar serta domestik, kapasiti penggunaan sektor pembuatan dijangka bertambah baik melebihi 80% tahun ini.

JADUAL 2.3

**Indeks Pengeluaran Pembuatan
Januari-Jun
(1993 = 100)**

Sektor	Perubahan (%)		Sumbangan (%)		2002	2003
	2002	2003	2003 S1	2003 S2		
Industri berorientasi eksport:	2.0	4.3	5.5	3.1	52.3	50.6
Elektrik, elektronik dan jentera:	5.1	4.0	5.4	2.7	40.4	39.0
Separa konduktor	10.4	7.3	8.6	6.1	30.5	30.4
Pembersih dan pendingin udara	-23.4	10.7	17.2	5.1	2.6	2.7
Alat profesional, saintifik dan penyukat	-0.3	5.0	12.2	-0.5	0.8	0.7
Produk berasaskan getah	-2.3	10.7	9.6	11.8	4.5	4.6
Produk berasaskan kayu	-10.9	1.7	-4.6	-0.7	3.7	3.5
Tekstil, pakaian dan kasut	-10.8	1.7	0.8	2.5	3.0	2.8
Pakaian	16.3	16.2	8.8	23.8	1.1	1.2
Industri berorientasi domestik:	0.8	11.5	9.8	13.2	47.7	49.4
Keluaran plastik dan kimia	-5.6	19.7	16.4	23.3	17.2	19.1
Keluaran plastik	-6.0	27.5	31.3	24.2	6.5	7.7
Kimia dan keluaran kimia	-22.8	15.1	8.6	22.6	10.7	11.4
Kimia perindustrian	-0.7	16.4	9.3	25.1	9.0	9.7
Makanan, minuman dan tembakau	1.2	11.7	6.6	16.7	10.0	10.3
Industri berkaitan pembinaan:	5.5	13.2	9.6	0.3	11.6	11.8
Besi dan keluli	0.4	9.3	16.9	2.6	3.0	3.1
Keluaran besi ditempa	10.1	9.0	3.8	13.4	4.6	4.6
Galian bukan logam	13.3	11.5	10.6	12.3	4.0	4.1
Penapisan minyak mentah	-1.8	9.3	3.6	15.4	1.3	1.3
Kertas dan keluaran kertas	7.7	6.1	15.1	-1.5	1.5	1.5
Pelbagai keluaran minyak dan arang batu	-14.1	8.2	-5.2	25.6	0.3	0.3
Kaca dan keluaran kaca	-32.2	2.6	3.2	2.1	0.4	0.4
Logam bukan ferum	1.7	6.2	16.2	-1.5	0.8	0.8
Peralatan pengangkutan	15.4	-10.2	-6.6	-13.6	4.8	4.0
Jumlah	1.4	7.8	7.6	7.9	100.0	100.0

Sumber: Indeks Pengeluaran Perindustrian, Jabatan Perangkaan.

Industri berorientasi eksport menyumbang lebih sedikit daripada separuh jumlah output sektor pembuatan dan berupaya mengekalkan sumbangannya untuk tempoh separuh pertama tahun ini, seperti di *Jadual 2.3*. Pengekalan prestasi ini adalah disebabkan pemulihan dalam permintaan terutamanya bagi keluaran getah dan pakaian. Peningkatan permintaan luaran disebabkan SARS, telah merangsang pengeluaran sarung tangan getah sebanyak 9.4% untuk separuh pertama 2003 (separuh pertama 2002: -4.6%). Sektor E&E kekal sebagai penyumbang utama, disebalik pertumbuhan yang lebih perlahan sebanyak 4% dalam tempoh separuh pertama tahun ini, berikutan peningkatan output separa konduktor, pembersih udara dan peralatan hawa dingin serta peralatan elektronik.

Sebahagian besar pengeluaran peralatan elektronik adalah bagi peralatan pemprosesan data, alat komunikasi, automotif, peralatan aero angkasa awam dan tentera serta produk elektronik pengguna. Produk yang menunjukkan peningkatan prestasi untuk dieksport adalah kimia


dan produk kimia, termasuk farmaseutikal dengan nilai pasaran berjumlah RM1.6 bilion dan *oleochemicals*, yang mana Malaysia menyumbang 20% daripada pengeluaran dunia dalam separuh pertama 2003.

Industri berorientasi domestik, seperti di *Carta 2.4*, terus berkembang dan pulih pada 11.5% selepas mencatat pertumbuhan kurang memberangsangkan sebanyak 0.8% pada tahun 2002. Pertumbuhan industri ini, terutamanya industri plastik yang menghasilkan komponen bagi peralatan rumah seperti peti sejuk, mesin basuh, ketuhar dan pengisar elektrik, adalah hasil rangsangan melalui langkah dalam Pakej bagi merangsang penggunaan yang meningkatkan pendapatan boleh guna seterusnya menyumbang kepada pertumbuhan industri ini.

Industri E&E yang mencatat pemulihan pada bulan April 2002, tumbuh lebih rendah sebanyak 4% dalam separuh pertama 2003, disokong oleh pertumbuhan perlahan dalam pengeluaran separa konduktor dan komponen elektronik, seperti

CARTA 2.4

Pertumbuhan Industri Berorientasi Domestik dan Eksport (% perubahan tahunan)



Sumber: Jabatan Perangkaan.

di *Jadual 2.3*. Walau bagaimanapun, permintaan terhadap komputer dan perkakasnya dijangka pulih dengan pembukaan semula kolej dan universiti pada bulan Mei, serta pusingan kitaran penggantian komputer usang. Tambahan lagi, *national roll-out MyKad* dan pengenalan *bankcard* bagi menggantikan kad mesin teler automatik (ATM) bermagnet menghasilkan perkembangan industri ini ke dalam pengeluaran *microchip* bermemori tinggi.

Tanda-tanda pemulihan juga kelihatan dalam pasaran elektronik AS seperti nisbah *book-to-bill* (BTB) industri kelengkapan elektronik Amerika Utara bertambah baik. Peningkatan sebanyak 0.3% dalam perbelanjaan pengguna dan 44.1% lonjakan dalam perbelanjaan pertahanan AS, dijangka meningkatkan permintaan terhadap peralatan elektronik dan separa konduktor. Permintaan global keluaran elektronik, yang dianggarkan berjumlah RM4,028 bilion pada tahun 2002, dijangka meningkat 10% - 12% pada tahun 2003, dengan itu memberi kesan positif ke atas prestasi industri ini di Malaysia.

Terdapat peningkatan permintaan terhadap separa konduktor Malaysia dari negara Asia Timur, terutamanya China dan Hong Kong SAR, yang mencatat pertumbuhan dua angka untuk 12 bulan berturut-turut, sejak April tahun lepas, berikutan peningkatan aktiviti *outsourcing* dari rantau ini. E&E yang menyumbang 18.5% daripada RM18.8 bilion pelaburan modal yang diterima, diunjur meningkat lebih kukuh pada tahun 2003, dengan telefon selular mendahului pertumbuhan, diikuti oleh pemacu cakera keras dan optik serta alatan permainan video.

Peningkatan ini menghasilkan pertumbuhan dan pembangunan industri plastik dan logam. Sementara industri plastik menghasilkan komponen untuk pengeluaran peralatan baru mengikut tren bagi ICT, seperti komputer kendalian-tangan dan telefon yang dilengkapi kamera digital, industri logam pula mengeluarkan peralatan logam yang diperlukan untuk perkakasan komputer. Kemajuan dalam industri ini membantu dan menyokong **industri plastik** untuk pulih dengan mencatat pertumbuhan dua

angka sebanyak 27.5% dalam tempoh enam bulan pertama 2003, selepas mencatat pengurangan ketara pada tahun 2002.


Lebih daripada satu pertiga keluaran industri plastik di Malaysia dihasilkan untuk industri pembungkusan, dengan lebih daripada 80% pelaburan oleh rakyat Malaysia terutama industri kecil dan sederhana. Keluaran industri ini merangkumi beg, filem dan kepingan plastik serta bekas penyimpanan. Selaras dengan dasar untuk mempromosi penggunaan bahan *biodegradable* dan meningkatkan penggunaan sisa pertanian, pembangunan produk dijalankan ke arah pengeluaran pembungkusan *biodegradable* nilai ditambah tinggi menggunakan palpa dan gentian sawit. Selain bahan bungkusan, industri plastik juga menghasilkan komponen industri automotif dan peralatan pejabat.

Begitu juga **kimia dan produk kimia**, seperti di *Carta 2.5*, telah mendapat manfaat kesan limpahan pemulihan sektor E&E dan mencatat peningkatan kukuh output sebanyak 15.1% dalam tempoh enam bulan pertama 2003, dengan eksport merangkumi lebih daripada 70%. Resin tiruan khususnya, telah berkembang dengan peningkatan sebanyak 19%, hasil pembangunan pantas sektor ini. Sementara itu, produk kimia untuk kegunaan domestik terutamanya kimia perindustrian, pulih dengan pertumbuhan 16.4% berbanding -0.7% pada tahun sebelumnya. Sektor kecil yang sedang muncul dalam industri kimia adalah produk farmaseutikal dengan anggaran saiz pasaran melebihi RM2 bilion.

Pada masa ini, Malaysia adalah pengeluar dan pengeksport utama *oleochemicals* asas (asid lemak, *methyl ester*, *glycerine* dan alkohol lemak) dengan eksport berjumlah RM2.5 bilion. Berikutan peningkatan kesedaran pengguna tentang kesihatan dan berhati-hati dalam memilih produk penjagaan diri seperti kosmetik dan kelengkapan dandanan diri, permintaan *oleochemical* berasaskan pertanian dijangka terus meningkat. Sementara itu, penyelidikan yang dijalankan bagi meningkatkan nilai ditambah, merangkumi herba semula jadi, perubatan tradisional serta keluaran generiknya, gelatin halal dan perubatan veterinar.

CARTA 2.5

Pertumbuhan Beberapa Industri Terpilih (% perubahan tahunan)



Sumber: Jabatan Perangkaan.

Berbeza dengan industri lain yang terjejas oleh SARS, **industri getah** mencatat pertumbuhan lebih tinggi sebanyak 10.7% dalam tempoh enam bulan pertama 2003, disebabkan peningkatan permintaan luaran terhadap produk getah. Sarung tangan getah (sarung tangan perubatan, perindustrian dan isi rumah), merangkumi lebih sedikit daripada 50% jumlah keseluruhan pengeluaran industri, diikuti dengan pemprosesan getah dan susu getah serta tayar dan tiub yang turut meningkat masing-masing pada 33.5% dan 14.3%. Industri tayar memperlihatkan peningkatan hampir 20% dalam pengeluaran dan jualan disebabkan sebahagian besarnya oleh penggantian. Industri getah juga mendapat manfaat daripada pembangunan pengeluaran sarung tangan generasi baru berkualiti tinggi seperti berprotein rendah, berserbuk atau tanpa serbuk serta produk getah kering termasuk *conveyor*, *roller* getah dan acuan getah untuk industri automotif dan E&E. Keperluan menggunakan bahan getah boleh-kitar-semula

terkini seperti *thermoplastic expodised natural rubber* dalam komponen automotif di Kesatuan Eropah menjelang tahun 2006, turut mendorong industri ini menghasilkan keluaran getah lebih berkualiti dan berprestasi tinggi.

Usaha Malaysia membangunkan **industri berat** berserta dengan pembangunan E&E, telah membawa negara terlibat dalam industri berkaitan minyak dan gas, besi dan logam serta pengangkutan dan peralatan berkaitan. Gas perindustrian dan gas petroleum cecair (LPG), telah berjaya mengekalkan pertumbuhan masing-masing pada 34.7% dan 17.5%, berikutan permintaan daripada sektor pembuatan. Disel dan petrol turut mencatat pertumbuhan tinggi sebanyak 10.1% dalam tempoh enam bulan pertama 2003 (Januari-Jun 2002: -4.2%). Peningkatan output produk ini telah menyokong pemulihan dalam penapisan minyak mentah yang mencatat pertumbuhan tinggi sebanyak 9.3%.

Walaupun keyakinan perniagaan meningkat lebih baik dengan kebanyakan industri mencatat pertumbuhan positif, **industri kelengkapan pengangkutan**, merosot kepada -0.2% (Januari-Jun 2002: 15.4%). Usaha promosi secara intensif oleh wakil jualan kereta, gagal mendorong pertumbuhan pengeluaran industri, apabila output kereta penumpang merosot 20.5% dalam tempoh separuh pertama 2003. Sebaliknya, peningkatan kecil output motosikal dan skuter sebanyak 2.9% (Januari-Jun 2001: 4.9%) membantu mengurangkan kesan penurunan output kereta penumpang. Berikutan ini, industri kelengkapan pengangkutan menyumbang 4% kepada keseluruhan sektor pembuatan, seperti di *Jadual 2.3*. Tren penurunan kereta penumpang adalah disebabkan terutamanya oleh penangguhan pembelian pengguna, yang menjangkakan pasaran kereta yang lebih liberal pada tahun 2005. Dengan liberalisasi pelaksanaan Kawasan Dagangan Bebas Asia (AFTA) yang semakin hampir, pengguna mengharapkan tawaran yang lebih baik dari wakil jualan dan pengeluar kereta.

Secara keseluruhan, **industri berkaitan pembinaan** mencatat pertumbuhan mantap sebanyak 13.2% (Januari-Jun 2002: 5.5%), sementara besi dan keluli serta industri galian bukan logam terus menunjukkan prestasi yang lebih baik, berikutan pelaksanaan berterusan pembinaan jalan raya dan rumah kos rendah. Industri ini juga turut mendapat manfaat daripada pelaksanaan Pakej dan usaha berterusan bagi merangsang projek rumah kediaman dan infrastruktur awam. Besi dan keluli juga mencatat pertumbuhan positif sebanyak 9.3%, sementara simen dan konkrit campuran siap mencatat pertumbuhan lebih tinggi, masing-masing sebanyak 20.6% dan 15.6%. Dengan permintaan luaran tahun ini, dijangka tumbuh melebihi 14%, dan kesan positif pelaksanaan projek infrastruktur sosio-ekonomi seperti hospital dan apartmen Lembaga Tabung Haji di Kuala Lumpur, Hospital Petronas, Projek Penyuraian Trafik Lingkaran Sungai Ramal-Kajang dan jambatan baru Johor-Singapura, industri simen dan konkrit dijangka meningkat lebih baik, meningkatkan penggunaan kapasiti industri ini melebihi 65%.

Permintaan untuk rumah dan projek pembangunan sosio-infrastruktur lain seperti sekolah, hospital dan universiti mempunyai kesan pengganda ke atas **industri berasaskan kayu**. Pengeluaran gentian keras, papan lapis, perKayuan dan kerja kayu serta panel berasaskan kayu dan papan lantai, pulih dengan mencatat peningkatan perlahan sejak September 2002, untuk mencapai pertumbuhan keseluruhan output sebanyak 1.7% dalam tempoh enam bulan pertama 2003 (Januari-Jun 2002: -10.9%). Industri ini telah sekian lama dikekang oleh kekurangan kayu bergergaji, kerana pengurusan hutan negara yang mapan.

Output industri papan lapis sebagai penyumbang utama yang meningkat perlahan sebanyak 4.6% (Januari-Jun 2002: -3.2%) dan *veneer* sebanyak 2.3% (Januari-Jun 2002: -14.6%), membantu mengurangkan kadar penguncupan yang dialami oleh industri ini pada bulan April dan Mei tahun ini. Kepelbagaian dalam produk kayu berkualiti tinggi seperti *engineered flooring board* dan kelengkapan perabot isi rumah dan pejabat rekaan sendiri, dijangka meningkatkan penggunaan kapasiti industri kepada kira-kira 60%.

Perubahan struktur demografi yang condong ke arah profil populasi muda dalam lingkungan umur 15-29 tahun sebanyak 27%, telah merubah pola penggunaan rakyat Malaysia. Dengan pendapatan per kapita dan pariti kuasa beli yang lebih tinggi, ditambah dengan cara hidup moden, penggunaan makanan segera dan siap-dihidang telah meningkat. Minuman dalam tin, khususnya minuman berkarbonat, melonjak hampir 50% daripada jumlah output minuman. **Industri makanan, minuman dan tembakau** bernilai lebih daripada RM5,960 juta telah menyumbang 10% kepada jumlah output pembuatan, mendorong industri ini mencatat pertumbuhan ketara sebanyak 11.7% (Januari-Jun 2002: 1.2%). Pelbagai langkah yang diambil untuk merangsang penggunaan telah menghasilkan permintaan domestik dan pertumbuhan yang lebih kukuh bagi kebanyakan bahan makanan seperti minyak kelapa, majerin, *vanaspati*, beras serta tepung, biskut dan nanas dalam tin.

PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA DI MALAYSIA

Perusahaan kecil dan sederhana (PKS) merupakan satu segmen penting ekonomi Malaysia. Segmen ini menyediakan hampir satu per tiga jumlah pekerjaan di Malaysia dan mewakili lebih separuh daripada keseluruhan syarikat berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat, seperti di *Jadual 1*. PKS merupakan tapak bermula bagi individu yang bertenaga dan dinamik menguji serta membangunkan bakat dan kemahiran mereka di dalam perniagaan.

Peranan PKS dalam pembangunan industri di Asia adalah lebih ketara daripada di Barat. Di beberapa negara Asia seperti Jepun, Taiwan, Korea dan China, PKS menjadi tulang belakang industri dan sektor pembuatan. Terdapat lebih daripada satu juta PKS di Korea Selatan dilaporkan terlibat dalam kebanyakan sektor, dan dengan rangkaian yang kukuh mereka menyokong konglomerat atau *chebols*. PKS di China menyumbang kira-kira 50% daripada output perindustrian di negara tersebut, 60% (bernilai kira-kira AS90 juta) kepada jumlah eksport, dan menyediakan pekerjaan khususnya kepada pekerja yang diberhentikan daripada perusahaan milik negara yang diswastakan.

JADUAL 1

Kepentingan PKS di Ekonomi Terpilih

PKS sebagai % daripada	Sumbangan (%)					
	Malaysia	Jepun	AS	China	Korea	Taiwan
Jumlah Syarikat	92.0	99.7	n.a.	99.0	99.2	98.1
Jumlah Pekerjaan	30.7 ¹	69.5	50.1	75.0	75.3	78.1

¹ Berdasarkan kepada PKS sektor pembuatan.

Sumber: MITI dan SMIDEC.

PKS di Malaysia membentuk bahagian penting rangkaian nilai dalam keseluruhan rangkaian pengeluaran, mengeluarkan komponen dan peralatan bernilai tambah tinggi, seterusnya membangunkan diri mereka sebagai pembekal hiliran atau pembekal perkhidmatan kepada industri besar (LIs) dan syarikat multinasional (MNCs). Apabila kereta nasional pertama dilancarkan pada 1983, ia meneraju pembangunan industri sokongan dan sampingan, melalui penggunaan komponen tempatan yang diperlukan oleh projek tersebut. PKS tempatan telah membekalkan RM397.9 juta atau 10.8% nilai alat ganti dan komponen untuk kereta nasional pada tahun 2002, dan RM154 juta bagi enam bulan pertama tahun ini, atau 77% daripada alat ganti dan komponen yang disasarkan untuk dibekalkan oleh PKS bagi tahun 2003. PKS mewujudkan hubungan penting sebagai pembekal aras kedua dan ketiga atau vendor produk seperti *plastic extrusion* dan alat *metal stamping*, *wire harness* dan beg udara.

Definisi PKS

Pada masa ini, PKS di Malaysia masih belum didefinisikan dengan jelas, kecuali bagi sektor pembuatan dan perbankan. Definisi PKS di beberapa negara juga berbeza walaupun menggunakan ukuran parameter yang sama. Dua parameter umum yang digunapakai untuk mendefinisi PKS dalam sektor pembuatan adalah berdasarkan pusing ganti jualan dan jumlah pekerja, seperti di *Jadual 2*. PKS di Malaysia cenderung kepada perusahaan berskala kecil berbanding PKS di negara lain.

JADUAL 2
Definisi PKS

Indeks	Malaysia	Jepun	AS	China	Korea	Taiwan
Bilangan pekerja ¹	<150 ²	<300	<500 ³	< 500	<300	<200
Modal/Aset/Pusing Ganti Jualan	<RM25 juta	<yen100 juta	<USD5 juta ⁴	RMB50 juta	WON20-80 juta	<NT\$60 juta

¹ Indeks umum digunakan oleh Bank Dunia, UNDP dan agensi antarabangsa lain.

² Berdasarkan PKS dalam sektor pembuatan.

³ Pembuatan.


⁴ Bukan pembuatan

Sumber: MITI, SMIDEC, BNM, APEC.

Taburan PKS Mengikut Sektor

PKS merangkumi kira-kira 92% daripada sejumlah 689,160 syarikat yang berdaftar di Malaysia. Pada tahun 2002, output PKS kepada KDNK mencatat peningkatan 2.5% sementara produktiviti meningkat sebanyak 2.7% dengan nilai ditambah RM35,043 setiap pekerja. Taburan PKS mengikut sektor ekonomi, seperti di *Carta 1*, lebih tertumpu kepada sektor perdagangan, pembuatan dan perkhidmatan.

Tumpuan terbesar PKS adalah dalam industri perdagangan dan peruncitan. Walaupun PKS di sektor pembuatan hanya 7% daripada jumlah kesemua PKS di Malaysia, mereka merangkumi lebih daripada 90% daripada jumlah 51,606 entiti pembuatan. Di dalam sektor pembuatan, PKS menguasai industri berasaskan sumber, seperti makanan dan minuman serta industri berasaskan kayu termasuk kertas dan keluaran kertas.



Sokongan untuk Pembangunan PKS

Sehingga kini, sekurang-kurangnya 12 kementerian dan 40 agensi Kerajaan terlibat dalam pembangunan PKS (termasuk perusahaan mikro) di Malaysia. Kementerian dan agensi Kerajaan yang terlibat menyediakan pelbagai perkhidmatan untuk kumpulan sasar yang berbeza. Sebagai tambahan, pelbagai organisasi perdagangan dan perniagaan juga turut menyediakan perkhidmatan sokongan serta mewakili PKS dalam pelbagai arena. Bagaimanapun, kebanyakan agensi lebih menumpu kepada pembangunan PKS dalam sektor pembuatan, di mana data lebih mudah di peroleh.

PKS di sektor pembuatan, seperti di *Carta 1*, adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dan Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (SMIDEC), sementara industri kotej, perusahaan mikro dan PKS luar bandar adalah di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB). Manakala Kementerian Pembangunan Usahawan (KPU) menawarkan program pembangunan keusahawanan seperti Program Pembangunan Francais dan Vendor. Bagi memastikan pendekatan yang lebih fokus dan terselaraskan dalam pembangunan dan pelaksanaan PKS, Kerajaan sedang mengkaji penubuhan sebuah badan di peringkat pusat untuk menyelaraskan infrastruktur sedia ada dan membina satu rangka kerja pembangunan komprehensif bagi pembangunan PKS.

PROGRAM BAGI MEMBANTU PEMBANGUNAN PKS

Bagi meningkatkan sumbangan PKS sebagai pemangkin pertumbuhan ekonomi, Kerajaan telah memulakan satu program komprehensif mengandungi langkah strategik seperti berikut:

1. Program Rantaian Industri

Program Rantaian Industri (ILP) bertujuan menggalakan penyertaan PKS sebagai pembekal yang berwibawa dan berdaya saing bagi membekalkan peralatan dan komponen atau perkhidmatan kepada LI/MNC. Di bawah Program ini, sehingga Jun tahun 2003, sebanyak 181 PKS telah dilantik sebagai pembekal kepada MNC dengan jumlah jualan bernilai RM115 juta. Sementara itu, sebanyak 11 lagi PKS telah dilantik sebagai pembekal kepada sektor elektrik dan elektronik. Bagi mempromosi keupayaan domestik, kerjasama telah dibentuk antara SMIDEC dengan rangkaian sebuah *hypermarket* asing di Malaysia. Kerjasama ini adalah bagi mengenal pasti dan membangunkan PKS tempatan sebagai pembekal global. PKS dalam sektor makanan akan membekalkan produk mereka kepada *hypermarket* di Malaysia dan cawangannya di seluruh dunia, di bawah jenama *hypermarket* berkenaan dan jenama PKS sendiri.

2. Program Pembekal Global

Program Pembekal Global (GSP) adalah dibentuk untuk melengkapkan matlamat yang dirangka di bawah ILP. GSP adalah program latihan/pembangunan kemahiran untuk meningkatkan pengetahuan dan kemampuan PKS sebagai pembekal perkhidmatan dan produk bertaraf dunia. Sejak ia dilaksanakan pada bulan Mac 1999, GSP telah melatih seramai 1,426 pekeja daripada 361 PKS. Sebagai tambahan kepada latihan, program ini juga cuba menerapkan kepentingan kualiti, kos, *swift delivery* (QCD) dan fleksibiliti sebagai asas utama bagi PKS pembekal yang berkesan.

3. Skim Pengauditan Kilang

Kerajaan menggalak penambahbaikan yang berterusan dalam PKS untuk memastikan produk dan perkhidmatan yang diberi kepada LI/MNC memenuhi piawaian yang dikehendaki. Oleh itu penilaian operasi PKS secara berjadual oleh pakar bebas perlu dijalankan. Dalam hal ini, Skim Pengauditan Kilang (FAS) menyediakan sebahagian geran sehingga RM10,000 setiap syarikat bagi melantik pakar penilai. Skim ini juga merupakan mekanisme diagnosis dalam menilai PKS, di samping menilai sama ada bantuan yang disediakan oleh Kerajaan, termasuk GSP, memenuhi keperluan PKS. Di bawah skim ini, 34 permohonan dengan geran bernilai RM218,700 telah diluluskan.

4. Program "Headstart 500"

Program Headstart 500 adalah dirangka khusus untuk mempercepat transformasi 500 PKS sebagai pengilang global. Pada masa ini, sebanyak 18 daripada 75 syarikat yang mendaftar telah dipilih sebagai perintis program ini. Syarikat ini akan dilengkapi dengan pakej komprehensif termasuk bantuan kewangan dan kepakaran teknikal, bagi membantu mereka menjadi peserta global. Syarikat ini telah dipilih dari kalangan pengeluar produk yang digalakkan di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986.

5. Program Pembangunan Vendor

Program Pembangunan Vendor (PPV), telah dilancarkan pada tahun 1988 seiring dengan pelancaran kereta nasional, PROTON. Di bawah Program ini dengan KPU sebagai agensi pelaksana, LI/MNCs sebagai syarikat *anchor*, menyediakan khidmat nasihat dan bantuan teknikal kepada vendor (PKS). Perjanjian *tripartite* antara vendor, *anchor* dan bank/institusi kewangan terpilih juga disediakan untuk membiayai PKS. Sejumlah 188 PKS telah dilantik sebagai vendor dalam Rancangan Malaysia ke Tujuh, sementara 75 vendor telah dilantik dari tahun 2001 sehingga tahun ini. Sejumlah 85 LI/MNC dan 16 bank/institusi kewangan telah terlibat dalam PPV.

6. Program Pembangunan Franchais

Program Pembangunan Franchais (PPF) adalah program pemasaran bertujuan membangunkan PKS dalam sektor komersial, perkhidmatan dan perindustrian. FDF akan membantu usahawan/PKS beroperasi dalam rangkaian antarabangsa dan perniagaan yang lebih besar. FDP menyediakan manual operasi kepada usahawan dan PKS mengenai cara terbaik mengendalikan perniagaan serta memperkenalkan mereka kepada harta intelek dan pelbagai strategi pemasaran. Sehingga Disember tahun 2002, 20 MNCs telah dilantik sebagai franchisor utama, sementara 69 syarikat besar tempatan menyertai program sebagai franchisor. Jumlah PKS yang telah mendapat manfaat daripada program ini adalah sebanyak 681, sementara jumlah geran yang disalurkan adalah sebanyak RM27.3 juta. Sektor keutamaan yang disertai oleh banyak PKS ialah makanan, peralatan isirumah, kosmetik, perkhidmatan dan aksesori kenderaan serta fotografi.

7. Program Pembangunan Infrastruktur

Program ini bertujuan membantu PKS menjalankan operasi perniagaan mereka di kawasan atau premis yang diluluskan. PKS boleh membeli pelbagai jenis kilang pada harga berpatutan di pelbagai kawasan perindustrian bersepadu yang dibangunkan oleh *Malaysian Industrial Estates Sdn Bhd* (MIEL), KPU, Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) dan projek usaha sama (JV) antara KPLB dengan kerajaan negeri. Kawasan perindustrian ini dilengkapi dengan kemudahan gunasama seperti makmal ujian, sistem pembuangan sisa dan penginapan untuk pekerja. Sehingga kini, sebanyak 985 unit atau 74.9% daripada pelbagai kilang yang dibina oleh MIEL dan PKNS telah diduduki. Sementara itu projek JV antara KPLB dan kerajaan negeri telah menyediakan sebanyak 304 unit kilang, bengkel dan premis perniagaan.

8. Program Peningkatan Kemahiran

Penerapan keperluan latihan untuk meningkatkan kemahiran pekerja sering menjadi cabaran, kerana kebanyakan PKS menganggap latihan sebagai kos dan bukannya suatu pelaburan. Tambahan pula, dengan adanya penawaran pekerja asing yang banyak, PKS cenderung untuk menanggung pelaburan mereka dalam meningkatkan kemahiran, menambah pengetahuan dan automasi. Walau bagaimanapun, untuk kekal berdaya saing dan berdaya tahan, program ini menawarkan teknologi terkini, proses baru perniagaan dan kemahiran baru untuk pekerja dan pihak pengurusan PKS. Sehingga Julai tahun 2003, seramai 11,220 pekerja PKS telah mengikuti latihan peningkatan kemahiran di 19 institut latihan kemahiran seluruh negara. Jumlah geran yang telah disalurkan bagi menjalankan program ini ialah RM12.6 juta.

9. *Program Promosi dan "Outreach"*

Kerajaan telah melaksanakan pelbagai usaha untuk mendorong PKS menyertai pelbagai program pembangunan dan skim bantuan kewangan yang telah disediakan untuk manfaat mereka. Oleh itu, pelbagai program *outreach* termasuk seminar pelaburan dalam negeri, SMIDEC *Annual Showcase* (SMIDEX) dan klinik perniagaan telah diadakan di bandar-bandar utama di Malaysia. Lebih daripada 7,000 peserta telah menyertai 15 seminar pada tahun 2002, sementara SMIDEX 2003 yang diadakan pada Julai tahun ini telah menarik seramai 4,279 pelawat perniagaan tempatan dan antarabangsa, serta telah mengatur 203 sesi temuan perniagaan menghubungkan PKS dengan LIs/MNCs. Selain daripada itu, klinik perniagaan mingguan kini menjadi lebih popular di kalangan usahawan dan PKS, sebagai tempat untuk PKS mendapatkan khidmat nasihat dengan pegawai berkenaan tentang perkara yang berkaitan dengan operasi mereka. Untuk tempoh enam bulan pertama tahun ini, seramai 425 usahawan telah menghadiri klinik perniagaan tersebut.

Program yang dilaksanakan oleh KPLB dan KPU meliputi 67 latihan keusahawanan dan program khidmat nasihat untuk menggalakan penyertaan seramai 2,150 Bumiputera dalam perniagaan. Bagi meningkatkan taraf penghidupan rakyat Malaysia di luar bandar, KPLB mengatitkan program pemasaran dan promosi seperti "Satu Industri, Satu Daerah", pembangunan pusat pemasaran, *homestay*, agropelancongan dan pentern akan kambing Boer.

10. *Pusat Maklumat dan Khidmat Nasihat PKS*

Pusat Maklumat dan Khidmat Nasihat PKS menyediakan peluang kepada PKS mencari maklumat dan mendapat nasihat mengenai pelbagai program sokongan dan bantuan kewangan yang disediakan oleh Kerajaan. Pusat ini boleh dicapai melalui laman web dan talian bebas tol. Walaupun perkhidmatan talian bebas tol masih kurang digunakan, reaksi kepada penggunaan laman web amat menggalakkan dengan 3,980 pertanyaan diterima dalam tempoh enam bulan pertama ia dilancarkan pada 4 Julai 2002.

11. *Panel Penasihat dan Pakar PKS*

Program Penasihat dan Pakar PKS (SEAP) menyediakan pakar industri yang berpengalaman untuk membantu PKS menambahbaik kapasiti teknologi dan produktiviti. Program ini telah menerima tindak balas yang baik daripada 44 orang pesara untuk menyertainya sebagai panel pakar. Seramai 313 lagi pakar tempatan dari pelbagai agensi Kerajaan dan institusi pengajian tinggi telah menyatakan minat mereka untuk menyertai panel ini. Pada masa ini tinjauan sedang dibuat untuk mendapatkan perkhidmatan pakar asing terutamanya daripada Jerman dan Jepun untuk menyertai panel ini.

SKIM BANTUAN KEWANGAN UNTUK PKS

Kerajaan melalui pelbagai kementerian dan agensi, menyediakan bantuan kewangan dalam bentuk geran dan pinjaman mudah. Projek yang layak dibiayai adalah dalam bidang pemasaran, pembangunan teknologi, menerimapakai ICT dan peningkatan kemahiran.

Geran

Dalam bidang pemasaran, Kerajaan telah meluluskan geran bernilai RM4.7 juta kepada 729 PKS di bawah Skim Perancangan dan Pembangunan Perniagaan (ITAF 1) dan Geran Pembangunan Pasaran (ITAF 4) pada tahun 2002. Geran ini membolehkan PKS membuat kajian pasaran, mengambil bahagian dalam pameran dagangan antarabangsa, pameran serta misi dagangan dan melantik profesional untuk membantu menyediakan strategi pemasaran. Bagi tempoh enam bulan pertama tahun ini, sebanyak 265 permohonan bernilai RM1.7 juta telah diluluskan. Di bawah Strategi Baru Ke Arah Merangsang Pertumbuhan Ekonomi Negara (Pakej), peruntukan permulaan RM100 juta telah diluluskan untuk pembangunan dan promosi jenama Malaysia.

Untuk meningkatkan **keupayaan teknologi** PKS dalam memenuhi piawaian yang ditetapkan oleh IL/MNC, Skim Geran Pembangunan Teknologi telah dilaksanakan. Skim ini meliputi tiga program kecil iaitu, Peningkatan Produk dan Proses (ITAF 2); Peningkatan Produktiviti, dan Kualiti serta Persijilan (ITAF 3); dan Penerimaanpakai ICT dalam Proses Pembuatan. Pada tahun 2002, 676 permohonan bernilai RM28.4 juta telah diluluskan di bawah skim ini, sementara 464 permohonan telah diluluskan dalam tempoh separuh pertama tahun 2003. Peningkatan jumlah permohonan dalam tahun ini adalah disebabkan oleh pengenalan skim geran berkaitan ICT. Dari segi pensijilan dan peningkatan kualiti, yang merangkumi ISO 9000, ISO 14000, *Hazard Analysis & Critical Control Point* dan Pensijilan Produk, sebanyak 1,328 daripada 1,730 permohonan telah diluluskan.

Bagi mempercepatkan **penerimaanpakai dan penggunaan ICT** di kalangan PKS, skim geran berkaitan ICT telah diperkenalkan pada April tahun 2002. Geran ini bertujuan membantu PKS untuk mengintegrasikan operasi pembuatan dan perniagaan mereka, meningkatkan kemampuan merekabentuk, melaksanakan Standard *RosettaNet* dan e-Pembuatan. Dari Januari hingga Jun tahun 2003, sebanyak 169 permohonan telah diluluskan dengan geran berjumlah RM13.6 juta.

Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM3.3 bilion sebagai **modal teroka** untuk sektor ICT dan bukan ICT bagi merealisasikan wawasan membangun masyarakat berpengetahuan serta mengenal pasti sektor pertumbuhan tinggi seperti *advanced manufacturing*, farmaseutikal dan bioteknologi. Penyaluran dana adalah dalam bentuk teroka ekuiti, teroka langsung, teroka agensi atau teroka awal melalui *Malaysian Venture Capital Management Berhad* (MAVCAP) dan *Malaysia Debt Ventures Berhad* (MDV). Sejumlah 35 projek PKS telah diluluskan di bawah MAVCAP dengan jumlah keseluruhan bernilai RM110.4 juta, di mana 12 daripada kelulusan tersebut adalah untuk terokaan awal di bidang teknologi maklumat, elektronik, telekomunikasi dan rangkaian. Sehingga Julai tahun ini, 353 permohonan lagi berjumlah RM4.4 bilion sedang diproses.

Dana Perolehan Teknologi (TAF) dan **Dana Komersialisasi Penyelidikan dan Pembangunan (CRDF)** telah dilancarkan bagi memperoleh teknologi strategik dengan matlamat meningkatkan keupayaan teknologi penting untuk pembangunan negara. CRDF menyediakan sebahagian geran untuk menggalak PKS mengkomersilkan teknologi tempatan yang dibangunkan oleh universiti dan institusi penyelidikan tempatan. Geran yang disediakan adalah untuk menjalankan aktiviti penyelidikan dan kaji selidik pasaran, rekabentuk dan pembangunan produk/proses, perlindungan harta intelek dan demonstrasi teknologi. Sejumlah 20 permohonan telah diluluskan dengan geran bernilai RM29 juta pada tahun 2002, sementara tiga permohonan telah diluluskan dalam tempoh separuh pertama tahun 2003.

Bagi menggalak dan **meningkatkan kemahiran** pekerja, PKS diberi geran untuk membiayai kos latihan. Pengusaha Bumiputera di luar bandar termasuk usahawan Orang Asli, akan diberi keutamaan oleh KPLB untuk mendapatkan geran ini. SMIDEC juga menyediakan geran kepada PKS sehingga maksimum 80% daripada kos latihan. Program ini telah menyediakan latihan untuk 5,055 orang pekerja PKS, sementara 1,036 telah dilatih dalam enam bulan pertama tahun ini. Latihan ini meliputi fotonik, teknologi acuan dan *tool & die* dan keselamatan pekerjaan. Bagi mempercepatkan pembangunan tenaga kerja mahir, SMIDEC sedang menyemak semula skim *dual traineeship*, di mana pekerja mahir akan diberi peluang menyambung pengajian dibidang yang mereka minati.

Skim Bantuan Khusus untuk **Usahawan Wanita** telah dilancarkan pada Ogos tahun 1999 dengan peruntukan awal sebanyak RM20 juta. Seramai 95 usahawan wanita yang terlibat dalam perusahaan pendidikan, perkhidmatan berkaitan ICT, R&D dan pemasaran mendapat manfaat daripada skim ini dalam bentuk geran dan pinjaman bernilai RM9.5 juta.

Pinjaman Mudah

Bagi memudahkan PKS mendapat lebih akses kepada pembiayaan, pelbagai dana disediakan melalui bank perdagangan dan institusi pembiayaan pembangunan (DFI). Dana disediakan adalah bertujuan untuk mengembangkan kapasiti produktif dan modal kerja seperti di *Jadual 3*.

JADUAL 3
Dana Untuk PKS

DANA	BANK/INSTITUSI KEWANGAN	KADAR FAEDAH (% setahun)	BUTIRAN
Dana Pemulihan IKS (RFSMI)	MIDF, BITMB, BPIMB, semua bank perdagangan, BPM, SDB, syarikat kewangan dan bank Islam	4.5	Membantu PKS berdaya maju yang menghadapi masalah aliran tunai sementara. Pinjaman maksimum RM5 juta.
Dana untuk IKS 2 (FSMI 2)	BPM, MIDF, BITMB, SDB, BPIMB, semua bank perdagangan, syarikat kewangan dan bank Islam	5.0	Mempromosi aktiviti dalam sektor berorientasi eksport dan domestik. Pinjaman maksimum sehingga RM3 juta.
<i>ASEAN-Japan Development Fund (AJDF)</i>	MIDF, BITMB, BPIMB, BPM	6.5	Menggalakkan pembangunan PKS Malaysia. Pinjaman maksimum RM5 juta atau 75% daripada kos projek (mana lebih rendah)
Tabung untuk Makanan	BPM	3.75	Mempromosi pengeluaran makanan. Pinjaman maksimum sehingga RM5 juta atau 90% daripada kos projek (mana lebih rendah).
Tabung Usahawan Baru 2 (NEF 2)	BPIMB, MIDF, semua bank perdagangan syarikat kewangan dan bank Islam	5.0	Untuk menjanan pertumbuhan PKS Bumiputera. Pinjaman maksimum sehingga RM5 juta.
Dana Pembangunan dan Pemulihan Usahawan	Semua bank perdagangan dan bank Islam	5.0	Menyediakan bantuan kepada syarikat Bumiputera yang menghadapi masalah pinjaman tidak dibayar/pembiayaan < RM1 juta. Pinjaman maksimum RM3 juta atau jumlah sebenar modal kerja yang diperlukan (mana yang lebih rendah).
Dana Projek Usahawan Bumiputera	ERF Sdn. Bhd.	5.0	Membantu usahawan Bumiputera yang diberi kontrak/projek oleh agensi Kerajaan, badan berkanun dan syarikat awam/swasta yang dihormati. Pinjaman maksimum RM3 juta atau 60% daripada nilai kontrak, selepas ditolak pendahuluan Kerajaan (mana yang lebih rendah).

DANA	BANK/INSTITUSI KEWANGAN	KADAR FAEDAH (% setahun)	BUTIRAN
Promosi Industri Kecil dan Sederhana (SMIPP)	BPIMB	7.0	Membeli peralatan, mesin dan aset.
Skim Promosi Usahasama	KPU _n	BLR + 2.0	Mempromosi usahasama antara usahawan Bumiputera and bukan Bumiputera.
Program dan Sokongan Kewangan Bagi PKS (PAKSI and PAKSI-W)	BITMB	3.5 - 5.0	Menyediakan modal kerja dan pembiayaan projek untuk PKS.
Skim Pembiayaan Usahawan Kecil dan Sederhana	PUNB	4.0	Untuk merangsang pertumbuhan PKS Bumiputera, usahawan dan untuk meningkatkan kualiti PKS.
Skim Pembiayaan Franchais	MBB and BCB	BLR + 1.5	Menyediakan jaminan untuk memudahkan sistem franchais. Pinjaman sehingga 80% bagi bahagian tanpa cagaran dan 90% bagi bahagian bercagar. Pinjaman maksimum RM7.5 juta setiap PKS.
JBIC - Dana IKS	MIDF, BITMB, BPIMB	6.25 - 7.0	Bagi pelaburan baru dan sedia ada yang melaksanakan pengembangan, modernisasi, pelbagaian dan/atau program penempatan semula di sektor pembuatan, berasaskan pertanian dan sektor perkhidmatan (perolehan aset tetap dan juga untuk melantik pembantu teknikal).
Skim Jaminan Usahawan Kecil (SEGS)	Semua bank perdagangan dan institusi kewangan	BLR + 1.5	Jaminan sehingga 80% daripada kemudahan. Pinjaman maksimum RM50,000 setiap PKS.
<i>New Principal Guarantee Scheme</i>	Semua bank perdagangan dan institusi kewangan	BLR + 2.0 (bagi pinjaman <RM1 juta)	Membolehkan PKS memaksimumkan nilai cagaran dan memperolehi lebih pinjaman. Pinjaman maksimum sehingga RM10 juta tanpa mengira sektor perniagaan. Jaminan sehingga 80% bagi bahagian tanpa cagaran dan 90% bagi bahagian mempunyai cagaran.

DANA	BANK/INSTITUSI KEWANGAN	KADAR FAEDAH (% setahun)	BUTIRAN
<i>Flexi Guarantee Scheme</i>	Semua institusi kewangan yang menyertai FSMI 2, RFSMI dan NEF2	Seperti t.c.a. bagi FSMI 2, RFSMI dan NEF 2	Memastikan lebih akses kepada kredit bagi PKS yang berdaya maju, terutamanya yang layak memohon pinjaman FSMI2, RFSMI, dan NEF2.
Projek Pembangunan Usahawan Dalam Bidang Peruncitan (PROSPER)	PUNB	t.c.a.	Meningkatkan penyertaan dan penglibatan Bumiputera di sektor peruncitan.
<i>Direct Access Guarantee Scheme</i>	Panel institusi kewangan yang ditugaskan oleh CGC	BLR + 1.0	Membolehkan perniagaan yang berdaya maju memperoleh akses kepada kemudahan kredit daripada institusi kewangan. Jaminan sehingga 100% dengan jumlah pinjaman antara RM50,000 hingga RM1 juta.
Skim Pembiayaan Ekonomi Desa (SPED)	BPIMB dan Bank Kerjasama Rakyat Malaysia	5.0	Program di bawah KPLB, bagi memudahkan usahawan Bumiputera dengan bayaran ansuran serta kadar faedah yang rendah tanpa cagaran.
Tabung Khas Pelancongan	BPIMB, MBB, BCB	3.75	Menyokong usaha Kerajaan dalam menggalak dan membangunkan industri pelancongan di Malaysia.
Skim Kredit Mikro	BPM dan BSN	4.0	Untuk mengurus pinjaman kepada perniagaan dan perusahaan kecil di sektor pertanian (BPM) dan sektor bukan pertanian (BSN) melalui Pakej. Pinjaman maksimum RM20,000.
Pinjaman Mudah Penempatan Semula PKS	MIDF	4.0	Membantu pembiayaan projek PKS sedia ada dan yang baru, aset tetap dan pembiayaan modal kerja. Special Window untuk pembiayaan bagi usahawan wanita juga diliputi di bawah Skim ini.

Bagi menangani isu kurang cagaran oleh PKS, langkah telah diambil untuk meningkatkan kecekapan dan skop Syarikat Jaminan Kredit (CGC). Pada masa yang sama, *Enterprise Rehabilitation and Development Fund Sdn. Bhd.* (ERF) telah ditingkatkan sebagai pusat sehati untuk menangani isu berkaitan pembangunan usahawan Bumiputera seperti pembiayaan, latihan dan khidmat nasihat.

Langkah lain bagi memperbaiki pembiayaan kepada PKS termasuk meluaskan saiz dan skop dana terpilih, meliberalisasikan kriteria kelayakan dan mengurangkan kadar pinjaman serta kemudahan mikro kredit berjumlah RM1.0 bilion dalam Pakej seperti yang diumumkan pada bulan Mei. Penubuhan saluran khas (special window) untuk PKS di institusi kewangan dan unit khas PKS di Bank Negara Malaysia adalah juga penting. Seiring dengan penubuhan saluran khas tersebut, institusi kewangan juga melengkapkan usaha Kerajaan dalam meningkatkan pembiayaan PKS dengan menyediakan khidmat nasihat dan perundingan bagi menambahbaik pemahaman mengenai kewangan dan pengurusan.

PENGALAMAN KEJAYAAN PKS

Kajian oleh BNM ke atas PKS yang telah beroperasi selama lebih 10 tahun, telah mengenalpasti tujuh faktor utama kejayaan PKS seperti berikut:

- i. Keupayaan pengurusan yang sihat dan integriti;
- ii. Budaya perniagaan dan semangat keusahawanan yang teguh;
- iii. Pengurusan kewangan yang berhemah;
- iv. Produk dan perkhidmatan yang berkualiti tinggi;
- v. Program pembangunan yang berkesan bagi sumber manusia;
- vi. Sokongan kuat daripada institusi kewangan (dalam bentuk pinjaman dan khidmat nasihat); dan
- vii. Strategi pemasaran yang tepat (termasuk rantaian perniagaan yang baik dengan pembekal).

Kajian ini yang diasaskan kepada prestasi kewangan dan rekod pencapaian membuktikan PKS berkongsi ciri-ciri yang sama seperti:

- * Bermula pada skala yang amat kecil.
- * Mengumpul modal sendiri tanpa pinjaman dan mengamalkan pengurusan kewangan yang berhemah.
- * Mempunyai motivasi keusahawanan yang tinggi.
- * Menumpu dan meningkatkan kecekapan teras serta membina rekod kecemerlangan.
- * Pelan perkembangan sederhana selaras dengan keupayaan yang ada dan strategi keseluruhan perniagaan.
- * Mewujudkan rantaian yang baik sesama sendiri, bersama pembekal dan pelanggan.

Ciri-ciri di atas adalah seakan hampir serupa dengan PKS di Jepun yang mengambil masa 50 tahun untuk dibangun dan dirapikan sebagai peserta global, seperti kes Honda dan Toyota. Berasaskan ciri-ciri ini, PKS di Malaysia berpotensi besar sebagai faktor pemangkin utama pembangunan ekonomi negara.

Sementara itu, kadar syarat perdagangan yang bertambah baik, khususnya pengurangan tarif eksport minyak sawit ke India, serta harga yang lebih tinggi, telah melonjak output industri ini. Walau bagaimanapun, langkah mengenal pasti keluaran makanan yang berpotensi untuk eksport adalah perlu memandangkan import makanan melebihi eksport dalam tempoh enam bulan pertama tahun ini. Pengeluaran ikan dan krustasia termasuk pelbagai jenis udang sejuk beku mencatat pertumbuhan kukuh dalam pengeluaran sebanyak 20.9% dan meningkatkan eksport sebanyak 19.1%, serta koko dan keluaran koko adalah antara item makanan yang dikenal pasti berpotensi untuk eksport. Pengeluaran produk koko, termasuk serbuk koko, mentega koko, adunan koko, coklat dan manisan coklat, berkembang sebanyak 31.8%, menyumbang kepada pengekalan kedudukan Malaysia sebagai pusat memproses koko kelima terbesar di dunia dan negara memproses koko terbesar di Asia. Eksport produk koko berjumlah RM616.7 juta dan merangkumi lebih kurang 15.4% daripada jumlah keseluruhan makanan dan minuman yang dieksport.

Selain daripada produk makanan, produk pengguna bagi **industri tekstil dan pakaian** juga mendapat manfaat daripada peningkatan penggunaan dan persekitaran ekonomi luaran yang semakin baik. Dengan catatan peningkatan output sebanyak 1.7% (Januari-Jun 2002: -10.8%) dan nilai eksport lebih sedikit daripada RM3.4 bilion, industri ini mengekalkan kepentingannya penyumbang utama kepada pendapatan eksport Malaysia. Kebanyakan pengilang Malaysia adalah sebagai subkontraktor dan membekalkan keluaran mereka kepada jenama antarabangsa, disamping membangun jenama sendiri. Langkah untuk mempromosi pembangunan jenama, seperti diumumkan dalam Pakej, akan terus memberi manfaat kepada pengilang. Sementara itu, usaha untuk meningkat ke rantai nilai telah menghasilkan peningkatan pelaburan, terutama dalam pasaran industri pakaian berkualiti tinggi. Keluaran baru yang mendapat pasaran adalah pakaian khas dan aksesori seperti pakaian *bio-ceramic infra red ray* (FIR), gaun pengantin dan pakaian sukan.

Sektor Pertanian

Pertumbuhan sederhana dipacu oleh peningkatan hasil sehektar kelapa sawit dan peningkatan harga eksport...

Pada tahun 2003, sektor pertanian, perternakan, perhutanan dan perikanan dijangka mencatat pertumbuhan positif pada kadar sederhana sebanyak 2.3%. Kesederhanaan ini adalah disebabkan pertumbuhan pengeluaran yang lebih rendah untuk getah, perhutanan dan pembalakan sementara disokong oleh pertumbuhan yang lebih kukuh di dalam pengeluaran minyak sawit dan komoditi makanan seperti di *Jadual 2.4*. Harga kebanyakan komoditi adalah lebih tinggi dalam tahun 2003, menggambarkan keadaan bekalan global yang ketat. Justeru, pendapatan eksport untuk sektor ini dijangka berkembang sebanyak 10%.

Pengeluaran **minyak sawit mentah (CPO)** dijangka mencatat pertumbuhan kukuh pada 4.5% atau 12.5 juta tan metrik pada tahun 2003, berikutan peningkatan di dalam kitaran hasil dan produktiviti. Peningkatan kawasan matang

JADUAL 2.4

Nilai Ditambah Sektor Pertanian, Ternakan, Perhutanan dan Perikanan 2002-2003
(pada harga 1987)

	Perubahan (%)		Sumbangan Bahagian (%)	
	2002	2003 ¹	2002	2003 ²
Pertanian, perhutanan dan perikanan	3.0	2.3	100	100
Kelapa Sawit	0.1	2.9	34.7	34.8
Perhutanan dan pembalakan	5.0	2.2	13.9	13.9
Perikanan	7.5	2.8	13.9	14.0
Getah	8.8	3.5	6.7	6.7
Lain-lain pertanian ²	2.4	1.3	30.8	30.6

¹ Anggaran.

² Termasuk ternakan, koko, padi dan pelbagai pertanian seperti buahan-buahan, kopra, sayur-sayuran, tembakau, teh, bunga-bunga, lada hitam dan nanas.

Sumber: Jabatan Perangkaan.

terutamanya di Sabah dan Sarawak serta kadar perahan minyak yang lebih tinggi berikutan daripada kaedah penuaian dan pengendalian *Fresh Fruit Bunch* yang lebih cekap juga menyumbang kepada pertumbuhan. Semenanjung Malaysia masih menyumbang sebahagian besar pengeluaran minyak sawit mentah (58%) diikuti oleh Sabah (35%) dan Sarawak (7%). Secara keseluruhannya, jumlah hektar ditanam dijangka meningkat sebanyak 2.2% kepada 3.8 juta hektar dengan mengambil kira kawasan baru yang dikenalpasti untuk penanaman kelapa sawit terutamanya di Sabah dan Sarawak. Daripada jumlah ini, 59.6% berada dibawah pemilikan sektor swasta dengan bakinya dimiliki oleh entiti kerajaan. Kira-kira 10% daripada jumlah kawasan ditanam dimiliki oleh pekebun kecil.

JADUAL 2.5

Keluasan Tanaman Kelapa Sawit dan Pengeluaran Minyak Sawit 2002-2003

	2002	2003 ¹	Perubahan (%)	
			2002	2003 ¹
Keluasan tanaman ('000 hektar)	3,670	3,750	4.9	2.2
Keluasan Matang ('000 hektar)	3,188	3,258	6.1	2.2
Pengeluaran ('000 tan metrik)				
Minyak sawit mentah	11,910	12,450	0.9	4.5
Minyak isirong sawit	1,473	1,469	-3.8	-0.3
Hasil (tan metrik/hektar)	18.0	19.7	-6.1	9.4

¹ Anggaran.

Sumber: Kementerian Perusahaan Utama.

Pada tahun 2003, harga kelapa sawit mentah diunjur berada pada purata RM1,450 setan metrik (2002: RM1,400 setan metrik) setelah mencapai puncak RM1,689 setan metrik pada bulan Januari 2003. Walaupun pengeluaran yang tinggi mungkin melembapkan harga CPO disebabkan pertumbuhan stok, data terkini menunjukkan

pertumbuhan eksport CPO mendahului pengeluaran. Justeru, harga dijangka terus kekal pada purata RM1,450 setan metrik pada tahun 2003. Peningkatan permintaan eksport daripada pasaran baru dan tradisional serta harga yang lebih kompetitif berbanding minyak sayuran dan lemak lain, telah menyumbang kepada prestasi eksport CPO yang kukuh.

Dalam enam bulan pertama tahun 2003, pengeluaran **getah** meningkat sebanyak 18.6% kepada 317,000 tan sebahagian besarnya disebabkan peningkatan dari hasil sehektar. Walau bagaimanapun, jumlah keseluruhan pengeluaran getah dijangka meningkat dengan sederhana 3.5% kepada 610,000 tan di dalam tahun 2003 sebahagian besarnya didorong harga getah yang lebih baik, yang seterusnya meningkatkan aktiviti menoreh pekebun kecil. Walau bagaimanapun, cabaran utama yang dihadapi oleh industri getah adalah peningkatan yang lembap di dalam bekalan getah walaupun dengan harga yang lebih baik. Jumlah kawasan getah dianggar sekitar 1.315 juta hektar di dalam tahun 2003, seperti di *Jadual 2.6*, mewakili penurunan 2.4%.

JADUAL 2.6

Keluasan Tanaman, Hasil dan Pengeluaran Getah 2002-2003

	2002	2003 ¹	Perubahan (%)	
			2002	2003 ¹
Jumlah Keluasan ('000 hektar)	1,348	1,315	-3.0	-2.4
Kebun Kecil	1,195	1,176	-2.0	-1.6
Estet	153	139	-9.5	-9.2
Hasil (kg sehektar)				
Kebun Kecil	920	940	2.2	2.2
Estet	1,220	1230	1.7	0.8
Pengeluaran ('000 tan)	589	610	7.7	3.5
Kebun Kecil	504	539	12.8	6.9
Estet	85	71	-15.0	-16.5
% daripada pengeluaran sedunia	8.2	8.1	-0.6	-1.2

¹ Anggaran.

Sumber: Kementerian Perusahaan Utama dan Jabatan Perangkaan.

Penurunan ini adalah disebabkan kawasan yang telah ditinggalkan dan juga penukaran tanaman getah kepada kelapa sawit dan lain-lain aktiviti yang lebih memberi pendapatan yang lebih lumayan, berikutan permintaan dan harga yang rendah sebelum separuh kedua tahun 2002. Antara langkah yang diambil untuk mencergaskan kembali industri ini adalah melalui peningkatan hasil pokok dengan penggunaan klon susu getah baru, mempercepatkan projek bersepadu di ladang getah terutamanya bagi pengeluaran makanan dan meningkatkan harga melalui pakatan strategik dengan pengeluar utama lain. Bagi memastikan bekalan getah dan kayu getah yang mencukupi untuk industri hiliran, program penanaman semula getah telah dikaji semula untuk memastikan sekurang-kurangnya 20,000 hektar ditanam semula setiap tahun dengan klon susu balak, terutamanya dalam kawasan getah yang telah dikenalpasti. Di samping itu, sebagai langkah untuk menggalakkan industri perabot berasaskan kayu getah, aktiviti penanaman getah seluas 25,000 hektar setahun bagi tempoh 15 tahun akan dilaksanakan. Untuk tujuan ini, Kerajaan telah menubuhkan Tabung Ladang Hutan Getah dengan peruntukan permulaan sebanyak RM200 juta sebagai pinjaman mudah kepada syarikat dan organisasi sepertimana yang diumumkan di bawah Pakej.

Harga getah telah berada pada aliran meningkat sejak separuh kedua tahun 2002. Ini adalah disebabkan stok dunia yang lebih rendah dan campurtangan pasaran melalui pakatan *International Tripartite Rubber Corporation (ITRCo)* iaitu pakatan strategik diantara Indonesia, Malaysia dan Thailand. Harga purata G.A.B. bagi tempoh Januari hingga Jun telah meningkat sebanyak 39.7% kepada 366 sen se kg berbanding 262 sen se kg dalam tempoh yang sama pada tahun 2002. Harga ini dijangka kekal bagi separuh kedua tahun ini.

Dalam sektor kecil **perhutanan dan pembalakan**, bagi mematuhi dasar pengurusan perhutanan mapan jumlah kawasan boleh ditebang di dalam hutan kekal telah berkurangan kepada 1.36 juta hektar di dalam Rancangan Malaysia kelapan berbanding dengan 1.38 juta hektar dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh untuk memastikan pengeluaran sumber hutan berada di dalam had yang ditetapkan. Dengan itu, jumlah pengeluaran


kayu balak dijangka tidak meningkat dengan ketara di dalam tempoh terdekat. Sarawak dan Semenanjung Malaysia yang mewakili sebahagian besar hasil dijangka meningkatkan pengeluaran masing-masing dengan 8% kepada 13 juta meter padu dan lima juta meter padu disokong oleh kenaikan permintaan untuk barangan kayu dalam pasaran dunia berikutan prospek cerah pemulihan ekonomi global. Sebaliknya, pengeluaran kayu balak di Sabah dijangka merosot sebanyak 39% kepada 3 juta meter padu. Justeru, pertumbuhan nilai ditambah sektor kecil perhutanan dan pembalakan dijangka meningkat perlahan kepada 2.2% bagi tahun 2003.

Nilai ditambah sektor kecil **perikanan** yang terdiri daripada pendaratan ikan laut dan tuaian akuakultur dijangka meningkat kepada 2.8% yang mewakili 14% jumlah nilai ditambah sektor pertanian pada tahun 2003. Pendaratan ikan laut dijangka meningkat sebanyak 2.5% kepada 1.32 juta tan, berikutan peningkatan produktiviti yang didorong oleh langkah pemodenan perikanan dengan kelengkapan dan kemudahan yang lebih baik. Bagi memastikan prestasi industri ini, di bawah Pakej, Kerajaan akan membina 1,000 buah bot nelayan dengan peralatan moden untuk menggantikan bot kayu yang sedia ada untuk dipajak kepada nelayan dan diuruskan oleh Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT). Program ini dijangka dapat meningkatkan produktiviti nelayan dan penangkapan ikan dengan ketara. Sebagai tambahan, Kerajaan akan meningkatkan usaha penguatkuasaan dan pengawasan bagi memastikan kapal nelayan tempatan dilindungi dalam perairan negara. Bagi akuakultur, usaha Kerajaan di dalam membangunkan industri tersebut telah menghasilkan peningkatan pengeluaran sebanyak 184,000 tan hasil akuakultur pada tahun 2002 kepada 197,000 tan pada tahun 2003. Peningkatan dalam pengeluaran bukan sahaja membantu memenuhi permintaan domestik bahkan juga meningkatkan kapasiti eksport industri perikanan. Selaras dengan potensi industri ini, tambahan sebanyak 4,500 hektar Zon Perindustrian Akuakultur akan dimajukan.

Nilai ditambah **pertanian lain**, yang meragkumi komoditi makanan seperti ternakan, koko, buah-buahan dan sayuran dijangka berkembang 1.3% dan menyumbang hampir sepertiga jumlah nilai

CARTA 2.6

Nilai Ditambah Komoditi Utama



Sumber: Jabatan Perangkaan.

ditambah sektor pertanian. Pengembangan berterusan di dalam komoditi makanan mencerminkan kejayaan pelaksanaan Dasar Pertanian Negara Ketiga untuk mengembangkan pengeluaran makanan tempatan dan meluaskan kapasiti eksport sektor pertanian. Nilai ditambah ternakan dijangka berkembang sebanyak 5.4% sebahagian besarnya disebabkan pengeluaran daging lembu yang lebih tinggi sebanyak 47.3% dan daging kambing sebanyak 16%. Begitu juga, pengeluaran telur, susu segar dan ayam dijangka meningkat sebanyak 16.2%, 13.6%, dan 13.8% masing-masing yang didorong oleh harga pengeluaran ladang dan pengendalian binatang yang lebih baik serta amalan perladangan komersial.

Pengeluaran koko dijangka meningkat sebanyak 4.8% kepada 50,000 tan pada tahun 2003, dirangsang oleh harga yang lebih tinggi sejak tahun 2002. Kenaikan pengeluaran ini juga disebabkan peningkatan produktiviti berikutan penggunaan teknik yang lebih baik seperti *bud-grafting* dan input baja yang lebih tinggi.

Dari jumlah pengeluaran keseluruhan, 71% adalah dari pekebun kecil dan selebihnya dari pengeluar estet. Kawasan tanaman padi dijangka merosot sebanyak 0.2% kepada 689,900 hektar di dalam tahun 2003. Walau bagaimanapun, pengeluaran padi dijangka berkembang pada 0.4%, seperti di *Jadual 2.7*, hasil beberapa langkah yang diambil untuk meningkatkan pengeluaran padi. Ini termasuk menggalakan percantuman bendang yang bersaiz kecil, meningkatkan hasil sehektar melalui Projek Sepuluh Tan Sehektar menerusi pengenalan teknologi Pertanian Mapan Berinput Rendah yang menggunakan teknik penanaman tercanggih dan tepat untuk meningkatkan pengeluaran.

Pengeluaran sayuran dan buah-buahan dijangka meningkat sebanyak 4.5% dan 5% masing-masing dalam tahun 2003, seperti di *Jadual 2.7*. Sebahagian besar peningkatan penanaman baru dan sedia ada adalah berikutan pengenalan Taman Pengeluaran Makanan Tetap meliputi 1,540 hektar dan enam kawasan satelit penanaman. Dalam usaha membantu buah-

JADUAL 2.7

Pengeluaran Pertanian Lain 2002-2003

('000 tan metrik)

			Peratus Perubahan (%)	
	2002	2003 ¹	2002	2003 ¹
Padi	2,181	2,189	3.9	0.4
Koko	47.7	50.0	-17.3	4.8
Lada Hitam	24.1	27.2	-4.0	12.9
Tembakau ²	102	120	32.2	17.6
Buah-buahan ³	1,285	1,349	5.0	5.0
Ternakan ⁴				
Daging	988	1,105	2.3	11.8
Telur ('000) ⁵	6,619	7,690	-0.3	16.2
Susu ('000) ⁶	36.0	40.9	19.0	13.6
Bunga (juta) ⁷	116	167	14.8	44.0
Teh	26	26	15.3	0.0
Sayur-sayuran	778	813	-24.5	4.5
Kopra	15	14	557.9	-6.7

¹ Anggaran.² Daun tembakau hijau dan kering.³ Termasuk belimbing, betik, nangka, ciku, durian, jambu, langsung, mangga, manggis, nanas, pisang, rambutan, tembikai dan buah-buahan tropika lain.⁴ Termasuk daging lembu, ayam, khinzir dan kambing.⁵ Biji.⁶ Liter.⁷ Potongan.

Sumber: Kementerian Pertanian dan Kementerian Perusahaan Utama.

buah dan sayuran Malaysia ke tahap yang lebih bersaing di pasaran tempatan dan global, pihak Kerajaan telah memperkenalkan jenama *Malaysia's Best*. Untuk membolehkan ladang diberikan jenama tersebut mereka dikehendaki mematuhi standard Skim Akreditasi Ladang Malaysia. Standard yang diguna pakai adalah berasaskan Euro Retailer Produce Working Group (EUREP) Amalan Pertanian Yang Baik, Kod Amalan Antarabangsa (KODEX) dan Standard Malaysia. Keluaran pertama untuk dipasarkan di bawah program *Malaysia's Best* adalah mangga, betik, belimbing, tembikai dan nenas. Oleh itu, industri hortikultur dijangka berkembang kukuh sebanyak 44% dalam tahun 2003 berbanding sebanyak 14.8% pada tahun 2002 berikutan permintaan yang tinggi dari pasaran eksport baru seperti sebahagian negara Eropah

dan Timur Tengah. Di antara tanaman bunga yang paling banyak ditanam adalah bunga *carnation*, okid dan kekwa dan juga rimbunan dedaun hijau.

Untuk mempromosikan sektor pertanian sebagai jentera ketiga pertumbuhan ekonomi, langkah yang akan diambil adalah untuk meningkatkan pelaburan pertanian berskala besar dan aktiviti komersial dengan potensi untuk meningkatkan nilai ditambah keseluruhan. Kajian khusus menunjukkan terdapat potensi yang belum diteroka dalam aktiviti pemprosesan huluan dan penggunaan hiran biomas kelapa sawit, herba, hortikultur, perikanan laut dalam dan ikan perhiasan. Sebagai tambahan, usaha untuk meletakkan Malaysia sebagai pusat serantau untuk pengeluaran makanan dan makanan halal akan dipertingkatkan. Sehingga kini beberapa kajian bagi menilai prospek untuk industri tersebut telah dijalankan. Pelan tindakan dan garis panduan pelaburan telah dirangka dan diedarkan di beberapa seminar dan pameran untuk memaklumkan pelabur mengenai peluang baru dan prospek dalam industri pertanian. Di samping itu, Kerajaan melalui Bajet 2003 dan Pakej telah meletakkan beberapa insentif dan langkah untuk mempercepatkan sumber pertumbuhan baru di dalam sektor pertanian. Selain dari aspek pengeluaran, penekanan akan diberi untuk memperbaiki rantai nilai bersepadu keseluruhan aktiviti di dalam sektor seperti logistik, pengedaran, pemasaran, pembungkusan dan eksport. Di bawah Pakej, peruntukan sebanyak RM300 juta telah disediakan untuk meningkatkan taraf infrastruktur dan *delivery system* di luar bandar.

Sektor Perlombongan

Malaysia akan menjadi pengeluar kedua terbesar LNG dunia dengan pengeluaran baru MLNG3 ...

Nilai ditambah sektor perlombongan dijangka berkembang sebanyak 4.5%, seperti di *Jadual 2.8*. Pengeluaran petroleum dan gas asli yang lebih tinggi terutamanya di dalam separuh pertama tahun 2003 adalah disebabkan kenaikan harga dan permintaan domestik dan luar negeri.

Untuk enam bulan pertama tahun 2003, pengeluaran petroleum mentah termasuk kondensat dengan purata 739,800 tong sehari mencerminkan kenaikan 8.1% dibandingkan tempoh yang sama pada tahun 2002. Begitu juga, pengeluaran untuk keseluruhan tahun dijangka berkembang 2.4%, seperti di *Jadual 2.9* dengan purata 716,000 tong sehari berdasarkan program kerja yang dirancang untuk tahun ini.

Pengeluaran gas asli semasa enam bulan pertama meningkat sebanyak 6.2% kepada 864,500 juta kaki padu standard (jkps) dibandingkan dengan 814,100 jkps di dalam tempoh yang sama pada tahun 2002. Jumlah keseluruhan pengeluaran untuk tahun ini diunjur meningkat sebanyak 10% kepada 5,644 juta kaki padu standard sehari (jkpsh) selari dengan jangkakan kenaikan permintaan luar dan juga

JADUAL 2.8

Nilai Ditambah Bagi Sektor Perlombongan 2002-2003 (pada harga benar 1987)

	RM juta		Perubahan (%)	
	2002	2003 ¹	2002	2003 ¹
Sektor perlombongan	15,826	16,545	3.7	4.5
Petroleum mentah dan gas asli	15,088	15,797	3.7	4.7
Lain-lain perlombongan	738	748	3.5	1.4

¹ Anggaran.

Sumber: Jabatan Perangkaan.

JADUAL 2.9

Pengeluaran Petroleum Mentah dan Gas Asli 2002-2003

			Perubahan (%)	
	2002	2003 ¹	2002	2003 ¹
Petroleum mentah ('000 tsh) ²	699	716	4.9	2.4
Gas asli (jkpsh) ³	5,131	5,644	13.0	10.0

¹ Anggaran.

² Termasuk kondensat.

³ Tidak termasuk pembakaran dan suntikan semula.

Sumber: PETRONAS.

penggunaan gas oleh sektor domestik yang lebih tinggi berikutan semakan harga gas pada awal tahun ini. Dengan siapnya MLNG 3 Petroleum Nasional Berhad (Petronas) di Bintulu pada March 2003, Malaysia dijangka menjadi pengeluar kedua terbesar dunia gas asli cecair. Ketika ini, simpanan gas asli Malaysia dianggarkan sebanyak 89 trillion kaki padu standard dan dijangka bertahan selama 43 tahun. Bagi memastikan sumber tenaga negara yang mapan, dasar mempelbagaikan sumber tenaga, yang pada awalnya merangkumi penggunaan minyak, arang batu, gas dan hydro telah dikembangkan merangkumi tenaga yang boleh diperbaharui seperti biomas, biogas, sampah buangan dan solar sebagai sumber tenaga kelima.

Pengeluaran timah terus dengan aliran yang menurun, terutamanya disebabkan pengurangan jumlah lombong aktif, deposit bermutu rendah dan deposit hanya pada paras yang lebih dalam. Sehingga kini, 28 buah lombong sahaja masih dianggap masih aktif serta produktif dengan kebanyakannya beroperasi di penghujung tempoh pajakan.


Sektor Pembinaan

Aktiviti perumahan dijangka tumbuh lebih cergas pada separuh kedua, didorong oleh Pakej...

Didorong oleh permintaan yang berterusan terhadap segmen pasaran harta tanah yang terpilih dan jangkakan peruntukan yang lebih tinggi dalam projek infrastruktur awam, nilai ditambah sektor pembinaan dijangka berkembang sebanyak 2.5% pada tahun 2003. Prestasi yang mapan sebahagiannya berikutan pemulihan minat terhadap rumah kediaman, khususnya rumah yang mampu untuk dimiliki, dan didorong oleh insentif yang diberikan di bawah Pakej serta kadar faedah yang lebih rendah. Jumlah perbelanjaan awam untuk projek infrastruktur dijangka meningkat pada separuh tahun kedua 2003, akan membantu mengekalkan tahap aktiviti pembinaan dalam sektor awam. Antara projek infrastruktur yang sedang dalam pelaksanaan termasuk Lebuhraya Timur-Barat, Jalan

CARTA 2.7

**Sektor Pembinaan:
Nilai Ditambah dan Petunjuk Utama**
(% perubahan tahunan)



Sumber: Jabatan Perangkaan.

Kapar-Sabak Bernam dan Klang-Banting, Jalan Persisir Pantai Tanjung Kidurong-Berkam di Sabah, pembinaan projek jalan keretapi berkembar Rawang-Ipoh, jambatan baru Johor-Singapura serta Projek Terowong Pengurusan Banjir dan Lalulintas Kenderaan (SMART) di Kuala Lumpur.

Pembinaan harta tanah kediaman masih aktif walaupun permintaan terhadap rumah adalah lebih rendah berikutan pencerobohan di Iraq dan SARS yang mempengaruhi keyakinan pengguna pada lima bulan pertama tahun 2003. Perumahan mula dibina dalam sektor kediaman meningkat sebanyak 4.6% pada separuh pertama tahun 2003. Daripada 69,941 unit yang mula dibina pada tempoh tersebut, sebanyak 47.5% adalah rumah teres manakala kondominium, pangsapuri dan rumah pangsa adalah sebanyak 20.2%. Rumah yang berharga RM180,000 dan ke bawah

mendapat permintaan yang lebih baik dan rumah yang terletak pada lokasi yang terpilih telah menarik minat pembeli.

Pada keseluruhannya, penawaran dan permintaan bagi pejabat binaan khas dan kompleks perniagaan adalah stabil semenjak tahun 2000. Jumlah stok ruang pejabat-binaan khas sedia ada pada suku kedua tahun 2003 berjumlah 13.2 juta meter persegi (m.p), mencerminkan peningkatan marginal sebanyak 0.2% daripada suku tahun sebelumnya manakala kadar penghunian purata meningkat kepada 79% pada suku kedua (suku pertama 2003: 78.3%). Begitu juga dengan kadar penghunian purata kompleks perniagaan yang meningkat daripada 78.2% pada suku pertama kepada 78.6% pada suku kedua manakala jumlah keluasan sedia ada menurun sebanyak 0.2% kepada 6.33 juta m.p. pada tempoh yang sama. Keadaan penawaran dan permintaan untuk unit kedai dan unit industri pada amnya adalah seimbang. Pada suku kedua tahun 2003, 1,533 unit kedai dan 506 unit industri telah disiapkan berbanding dengan 1,792 unit dan 145 unit masing-masing pada tempoh yang sama tahun 2002. Permintaan terhadap unit kedai dan unit industri dijangka meningkat kesan daripada pertumbuhan dalam sektor perniagaan dan pembuatan.

Kesan daripada Pakej dan pertumbuhan ekonomi yang lebih tinggi serta dengan kadar faedah yang lebih rendah, bilangan urusniaga harta tanah dijangka meningkat pada separuh kedua tahun ini, setelah mencatat penurunan sebanyak 5.8% kepada 111,934 urusniaga pada separuh pertama tahun ini. (Januari-Jun 2002: 118,858 urusniaga). Penurunan tersebut adalah disebabkan oleh bilangan urusniaga harta tanah kediaman yang turun sebanyak 11%. Sementara itu, urusniaga harta tanah perdagangan dan industri mencatat pertumbuhan sebanyak 5% dan 9.6% masing-masing dalam tempoh enam bulan pertama tersebut.

Sektor pembinaan telah menjadi sektor penting dalam usaha Kerajaan untuk merangsang aktiviti ekonomi domestik dan dalam meningkatkan pertumbuhan. Disebabkan ekonomi negara terus bergantung kepada aktiviti ekonomi domestik, sumbangan sektor pembinaan kepada

pertumbuhan KDNK masih lagi perlu dipertingkatkan. Kerajaan, di bawah Pakej, telah memperkenalkan beberapa langkah dan insentif termasuk bayaran tunai kepada pemilikan pertama kediaman di bawah Projek HARAPAN (Harapan Rakyat Memilik Perumahan Berpatutan) untuk merangsang sektor harta tanah dan pembinaan serta untuk menyediakan rumah yang mampu dimiliki kepada golongan berpendapatan rendah. Pengecualian cukai pendapatan individu dibenarkan ke atas bahagian tertentu bayaran faedah pinjaman perumahan. Dalam tempoh setahun mulai 1 Jun 2003, pembelian rumah-rumah berharga kurang daripada RM180,000 adalah layak diberikan pengecualian duti setem dan pasaran harta tanah sekunder dikecualikan daripada cukai keuntungan harta tanah. Untuk menarik dan menggalakkan pemilikan harta tanah oleh warga asing, Kerajaan telah melonggarkan garis panduan pemilikan asing dengan membenarkan mereka memiliki harta tanah melebihi RM150,000 seunit.

Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) yang ditubuhkan pada tahun 1997 akan membina sekurang-kurangnya 150,000 unit rumah kos sederhana dan mampu dimiliki dalam masa lima tahun sebagai salah satu langkah untuk mempercepatkan pelaksanaan projek-projek perumahan kos rendah. SPNB juga akan membeli rumah pangsa siap yang tidak terjual, yang kini dijangka berjumlah 4,400 units, pada harga diskaun minimum 20% daripada harga pasaran. Unit-unit tersebut akan diperuntukkan kepada kakitangan Kerajaan yang layak termasuk balu kakitangan Kerajaan serta ibu tunggal yang belum memiliki rumah, melalui skim sewa-beli dan pembelian-balik. Selepas membayar sewa bulanan sebanyak RM50 sebulan selama tiga tahun, mereka akan diberi pilihan untuk membeli unit-unit tersebut. Langkah-langkah di atas dijangka akan menghasilkan permintaan yang lebih tinggi dalam sektor kediaman khususnya untuk perumahan yang mampu dimiliki.

Dalam usaha meningkatkan produktiviti dan kualiti dalam industri pembinaan, kontraktor-kontraktor digalakkan mengguna teknik pembinaan moden serta sistem binaan berindustri (IBS). IBS, yang memasang komponen binaan siap yang dibuat di kilang di tapak binaan, akan membolehkan penjimatan kos dan peningkatan kualiti dalam

industri melalui penggunaan tenaga buruh yang lebih rendah serta piawaian pembinaan. Menyedari manfaat mengguna-pakai IBS, SPNB telah mula menggunakannya dalam *steel and tunnel formwork system* khususnya dalam skim perumahan yang mampu diimiliki. Bagi meningkat dan menggalakkan penggunaan IBS secara meluas, Kerajaan sedang merangka suatu *roadmap* IBS yang baru.

Menyedari kepentingan sektor harta tanah, Kerajaan akan terus menyediakan maklumat dan data mengenai pasaran harta tanah yang mengambil-kira perubahan keadaan dalam permintaan serta penawaran pasaran harta tanah. Oleh itu, Kerajaan sedang menyemak perangkaan berkenaan untuk menyediakan panduan yang lebih baik dalam penilaian pasaran harta tanah kepada ekonomi.

Sektor Perkhidmatan


Kekal berdaya tahan sungguhpun peperangan serta SARS...

Langkah-langkah berkesan untuk merangsang penggunaan domestik telah membantu mengurangkan impak buruk pencerobohan Iraq dan SARS serta mendorong sektor perkhidmatan mengekalkan momentum pertumbuhan. Sektor ini dijangka terus berkembang pada kadar 4.2% pada tahun 2003, seperti di *Jadual 2.10*. Permintaan bagi perkhidmatan kewangan, telekomunikasi serta pengangkutan yang selaras dengan prospek ekonomi yang bertambah baik, terutamanya pada separuh kedua tahun ini akan mendorong pertumbuhan keseluruhan. Peningkatan teguh industri pelancongan selepas tamatnya wabak SARS yang singkat serta sentimen pengguna yang bertambah baik pada separuh kedua tahun ini meneguhkan lagi pertumbuhan sektor ini.

Pada puratanya, pertumbuhan sektor perkhidmatan mengatasi pertumbuhan KDNK bagi tempoh melebihi sedekad, mencerminkan peningkatan permintaan bagi perkhidmatan selaras dengan perkembangan pesat sektor-sektor lain dalam ekonomi. Perkembangan dalam liberalisasi perdagangan, munculnya pasaran baru seperti China dan negara-negara Eropah Timur serta pertumbuhan pesat industri informasi dan

CARTA 2.8

Sektor Perkhidmatan dan Bukan Perkhidmatan: Peratus Perubahan dan Sumbangan Kepada KDNK



Sumber: Jabatan Perangkaan.

komunikasi (ICT), telah mendorong penggunaan perkhidmatan, terutamanya dalam bidang kewangan, pengangkutan dan telekomunikasi. Tambahan pula, peningkatan pendapatan serta perubahan cara hidup telah meningkatkan permintaan bagi makanan di luar rumah, hiburan dan pelancongan. Di samping itu dasar Kerajaan memaksimumkan potensi sektor berkenaan yang mulanya untuk mengurangkan defisit perkhidmatan dalam imbalan pembayaran dan kemudiannya memajukan sumber-sumber pertumbuhan baru telah menyumbang kepada pertumbuhan kukuh sektor ini. Berikutan pertumbuhan kukuh ini, sumbangan sektor perkhidmatan kepada KDNK meningkat daripada 46.8% pada tahun 1990 kepada hampir 57% pada tahun 2003. Sumbangan yang meningkat ini mencerminkan kemajuan negara ke arah pencapaian status negara berindustri di mana secara amnya sektor perkhidmatan menyumbang di antara 60-70% kepada KDNK.

Pendapatan yang bertambah serta dasar untuk meningkatkan penggunaan domestik telah menyumbang kepada pertumbuhan sub-sektor perdagangan borong dan runcit, hotel dan restoran. Sub-sektor ini dijangka mencatat pertumbuhan sederhana sebanyak 2.1% pada tahun 2003 berbanding dengan 2.6% pada tahun 2002 berikutan impak negatif SARS pada suku kedua. Walau bagaimanapun, wabak SARS adalah singkat. Sungguhpun sesetengah pedagang runcit terjejas tetapi ada juga yang lain mencatatkan peningkatan jualan. Penjualan plastik dan sarung tangan getah dan topeng pembedahan untuk tujuan perlindungan serta bekas plastik, makanan dalam tin, dan ubat kesihatan mengalami jualan yang meningkat semasa wabak SARS. Jualan Mega sepanjang bulan Ogos dan pada musim perayaan dari bulan Oktober hingga Disember dijangka meningkatkan lagi jualan runcit.

Jumlah jualan sektor perdagangan borong dan runcit meningkat sebanyak 5.8% kepada

JADUAL 2.10

Prestasi Sektor Perkhidmatan (pada harga benar 1987)

	Pertumbuhan (%)		Sumbangan kepada KDNK (%)	
	2002	2003 ¹	2002	2003 ¹
Elektrik, gas dan air	3.9	7.3	4.0	4.1
Pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan	2.6	4.5	8.5	8.5
Perdagangan borong dan runcit, hotel dan restoran	2.6	2.1	14.9	14.6
Kewangan, insurans hartanah dan perkhidmatan perniagaan	5.3	5.0	14.3	14.4
Perkhidmatan kerajaan	6.7	4.6	7.3	7.3
Perkhidmatan-perkhidmatan Lain	4.6	4.2	8.0	8.0
Jumlah	4.1	4.2	57.0	56.8

¹ Anggaran

Sumber: Jabatan Perangkaan.

RM44,254 juta pada suku pertama tahun 2003, sebahagian besarnya disebabkan oleh peningkatan jualan perdagangan borong yang merangkumi 67.9% daripada jumlah jualan. Sekitar 87% daripada peniaga dalam perdagangan borong mempunyai nilai jualan tahunan melebihi RM1.25 juta manakala perdagangan runcit, 56.4%. Selaras dengan jualan yang meningkat semenjak beberapa tahun yang lalu, upah yang dibayar dalam perdagangan borong serta runcit meningkat sebanyak 8.9% dan 11.1% masing-masing berbanding dengan suku pertama tahun 2002 kepada RM942 juta dan RM584 juta. Daripada segi pekerjaan, perdagangan borong mempunyai lebih kurang seramai 176,000 pekerja manakala perdagangan runcit, 275,000 pekerja.

Jualan **perdagangan borong** meningkat sebanyak 7.9% kepada RM30,054 juta pada suku pertama tahun 2003 berikutan jualan yang lebih tinggi dalam stor dengan pengkhususan, terutamanya, jualan motor dan aksesori motor yang meningkat sebanyak RM1,726 juta diikuti oleh barangan isi rumah dan persendirian (RM299 juta) dan kelapa sawit (RM199 juta). Jualan stor lain dengan pengkhususan dalam perkakas perindustrian, pertanian dan perniagaan yang lain meningkat sedikit sebanyak 0.7% atau RM47 juta manakala makanan, minuman dan tembakau menurun 2.4% atau RM104 juta. Aktiviti stor dengan pengkhususan adalah penting bagi perdagangan borong kerana mereka merangkumi 89.7% daripada nilai jualan manakala stor tanpa pengkhususan, selebihnya. Stor dengan pengkhususan yang terbesar adalah dagangan motor dan aksesori motor dengan sumbangan sebanyak 34% diikuti oleh stor dengan pengkhususan dalam perkakas perindustrian, pertanian dan perniagaan yang lain (21.3%); barangan isi rumah dan perindustrian (15.2%) dan makanan, minuman dan tembakau (14.3%).

Jualan **perdagangan runcit** sementara itu meningkat dengan lebih perlahan pada kadar 1.6% kepada RM14,201 juta pada suku pertama tahun 2003 berikutan pertumbuhan kecil pada kadar 0.9% dalam nilai jualan stor tanpa pengkhususan serta pertumbuhan perlahan sebanyak 1.8% dalam nilai jualan stor dengan pengkhususan. Seperti dengan perdagangan

borong, aktiviti stor dengan pengkhususan memainkan peranan yang besar dalam perdagangan runcit, merangkumi 79.7% daripada nilai jualan. Nilai jualan stor dengan pengkhususan bagi dagangan motor dan aksesori motor serta perkakas dan bahan perindustrian, pertanian dan perniagaan meningkat sebanyak RM216 juta dan RM139 juta masing-masing berbanding dengan suku pertama tahun 2002. Pada tempoh tersebut, nilai jualan stor dengan pengkhususan bagi barangan isi rumah dan persendirian, walau bagaimanapun, turun sebanyak 4.5% atau RM161 juta manakala stor dengan pengkhususan bagi makanan, minuman dan tembakau mencatatkan peningkatan kecil sebanyak 0.2% atau RM1.3 juta. Dengan sumbangan sebanyak 47% dan 24.1% kepada nilai jualan perdagangan runcit, dagangan motor dan aksesori motor dan barangan isi rumah dan persendirian merupakan dua stor dengan pengkhususan yang terbesar. Stor dengan pengkhususan yang terbesar seterusnya dalam perdagangan runcit adalah stor lain dalam perkakas dan bahan perindustrian, pertanian dan perniagaan lain dengan sumbangan sebanyak 4.5% diikuti oleh makanan, minuman dan tembakau (4.1%).

Industri pelancongan telah bermula pada tahun ini dengan catatan positif ketibaan pelancong pada bulan Januari melebihi sejuta. Walau bagaimanapun pencerobohan di Iraq serta wabak SARS sehingga penghujung Mac telah membawa kesan yang amat buruk kepada industri berkenaan. Ketibaan pelancong merosot dengan mendadak sebanyak 58.6% kepada 457,900 pada April tetapi pulih sedikit kepada 539,100 ketibaan pada bulan Mei dan 719,000 pada bulan Jun. Sekatan perjalanan ke atas warganegara Singapura dan China, iaitu negara-negara yang terjejas teruk dengan wabak SARS, telah mengakibatkan kemerosotan ketibaan pelancong dari dua negara ini, yang merupakan pasaran tradisi utama Malaysia bagi pelancongan.

Kerajaan menyedari masalah yang dihadapi oleh industri pelancongan dan terus menyediakan langkah segera di bawah Pakej bagi membantu mereka yang terjejas. Ini termasuk inisiatif untuk mengurangkan kos perniagaan seperti penangguhan pembayaran ansuran cukai pendapatan oleh agensi pelancongan serta diskaun lima peratus daripada jumlah bil elektrik

bulanan kepada pengusaha hotel mulai Jun hingga Disember 2003. Selain daripada itu Bank Negara Malaysia menyediakan *Special Relief Guarantee Facility* (SRGF) berjumlah RM1 bilion sebagai modal kerja bagi membantu peminjam di industri pelancongan. Institusi perbankan akan juga membenarkan peminjam menyusun atau menjadual semula pinjaman. Dana Infrastruktur Pelancongan telah ditambah sebanyak RM500 juta untuk mempertingkatkan lagi industri berkenaan. Langkah untuk merangsang penggunaan domestik umpamanya pengurangan dua peratus caruman KWSP, bonus setengah bulan gaji kepada kakitangan Kerajaan dan pengecualian cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan yang disediakan oleh hotel dan restoran dijangka menyumbang secara positif kepada industri pelancongan.

Dasar Kerajaan yang menggalakkan pertumbuhan dijana oleh sumber-sumber domestik serta dasar monetari yang akomodatif telah menyumbang kepada perkembangan sub-sektor **keuangan, insurans, hartanah dan perniagaan**. Nilai ditambah sub-sektor ini dijangka meningkat 5% pada tahun 2003. Prestasi kukuh sub-sektor ini menggambarkan perkembangan pesat industri perbankan, insuran serta pasaran modal. Pinjaman baru dan pendahuluan oleh sistem perbankan meningkat 3.9% pada separuh pertama tahun 2003 (akhir 2002: 4.2%) berikutan dengan kadar faedah yang rendah serta stabil, mudahtunai yang mencukupi dan akses yang bertambah baik. Prestasi industri insuran terus menggalakkan dengan jumlah premium meningkat sebanyak 11.5% pada separuh pertama tahun 2003 berbanding pertumbuhan 13.3% pada masa yang sama tahun 2002. Peningkatan aktiviti perdagangan serta harga saham yang lebih tinggi di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) telah mengukuhkan lagi prestasi sub-sektor ini. Indeks Komposit Bursa Saham Kuala Lumpur meningkat sebanyak 15% kepada 743.30 mata pada akhir bulan Ogos 2003 berbanding 646.32 mata pada akhir tahun 2002, sementara nilai pasaran meningkat 22.2% kepada RM579.54 bilion.

Sub-sektor **pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi** dijangka berkembang kukuh sebanyak 4.5% pada 2003 didorong oleh keperluan untuk membekalkan perkhidmatan pengangkutan yang lebih baik serta perkhidmatan

komunikasi yang semakin canggih dan berteknologi tinggi. Pengangkutan jalanraya, rel, udara serta laut dijangka mencatat pertumbuhan positif. Faktor utama yang menyumbang kepada perkembangan ini adalah peningkatan aktiviti berkaitan dengan perdagangan serta *transshipment*. Peningkatan dan pengembangan pengangkutan khususnya pelabuhan dan jalan raya dijangka meningkatkan keupayaan industri ini dengan ketara.

Bilangan kenderaan di jalanraya bertol meningkat sebanyak 4.8% pada enam bulan pertama tahun 2003 di samping pertambahan sebanyak 11.5% pada tempoh yang sama tahun 2002. Jumlah hasil KTM komuter meningkat 15.2% pada separuh pertama tahun 2003 setelah meningkat 8.8% pada masa yang sama pada tahun 2002. Hasil pengendalian kargo melalui rel meningkat amat kecil pada 0.3% setelah mengalami kemerosotan 2.4% pada tempoh yang sama tahun 2002. Dari segi aktiviti pelabuhan, pengendalian kontena di Klang, Pulau Pinang, Johor termasuk Tanjong Pelepas (PTP), Kuantan, Bintulu, Kuching, Miri, Rajang dan Sabah meningkat sebanyak 17.5% kepada 4.9 juta *twenty equivalent units* (TEUs). Port Klang mencatatkan pembahagian terbesar 47.4% dengan 2.4 juta TEUs sementara PTP, 32.5%. PTP mencatat pertumbuhan mendadak sebanyak 37% atau 1.6 juta TEUs dikendalikan dalam tempoh kajian. PTP menunjukkan prestasi yang baik sebagai *transshipment hub* yang kedua negara bagi kawasan serantau dengan sasaran pengendalian kargo 3.5 hingga 3.6 juta TEUs pada 2003. PTP pada masa ini terlibat dalam perundingan dengan pengusaha perkapalan ketiga bagi menggunakan perkhidmatannya dan seterusnya mempertingkatkan pertumbuhan masa hadapan.

Pencerobohan Iraq dan SARS telah menjejaskan pengangkutan udara. Bilangan penumpang domestik dan antarabangsa Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) merosot dengan ketara sebanyak 7.8% dan 14.3% masing-masing, pada separuh pertama tahun 2003 berbanding kemerosotan 8.2% bilangan penumpang domestik dan 1.5% penumpang antarabangsa pada tempoh sama tahun 2002. Walau bagaimanapun sistem penerbangan *no-frill* AirAsia Sdn Bhd yang memberi perkhidmatan domestik serta beberapa

lalu serantau telah mencatatkan kejayaan yang mengagumkan dengan 907,000 penumpang pada separuh pertama tahun 2003 berbanding 418,000 penumpang pada masa yang sama tahun 2002. Pengendalian kargo oleh MAS meningkat dengan mendadak sebanyak 27.1% disebabkan peningkatan *transshipment* kargo yang telah perpindahan dari Hong Kong SAR serta Singapura yang di landa SARS.

Dengan sumbangan kepada KDNK sebanyak 7.2%, **sub-sektor perkhidmatan Kerajaan** dijangka mengembang sebanyak 4.6% pada tahun 2003. Peningkatan ini disebabkan oleh pertambahan perbelanjaan gaji dan upah, berikutan penyelarasan gaji sektor awam, termasuk semakan semula bagi melaksanakan Sistem Saraan Malaysia (SSM) dan bayaran bonus setengah bulan gaji di bawah Pakej.

Sektor kecil elektrik, gas dan air dijangka mencatat pertumbuhan yang lebih tinggi sebanyak 7.3% di dalam tahun 2003. Jumlah jualan elektrik dan permintaan tertinggi elektrik meningkat secara purata 7.3% dan 2.3% masing-masing pada enam bulan pertama (Januari-Jun 2002: 5% dan 6%). Peningkatan ini adalah disebabkan terutamanya oleh permintaan kukuh daripada sektor pembuatan.

Prestasi Eksport

Eksport kekal memberangsangkan disokong oleh persekitaran luar yang semakin pulih...

Secara keseluruhannya, prestasi eksport kekal memberangsangkan selaras dengan pemulihan ekonomi rakan perdagangan utama, terutamanya dalam separuh kedua tahun. Pada separuh pertama tahun 2002, pendapatan luaran Malaysia (barangan) meningkat ketara sebanyak 6.9 % (Januari-Jun 2002: 0.1%), terutamanya dengan mengambil kira prestasi eksport komoditi dan perdagangan serantau yang lebih baik daripada jangkaan. Pertumbuhan kukuh telah dicapai, walaupun dalam keadaan ketidakpastian persekitaran luar.

Eksport barangan pembuatan yang menyumbang 82% daripada jumlah eksport meningkat 1.4%

(Januari-Jun 2002: 0.6%), mencerminkan kejatuhan ketara dalam permintaan luar untuk perkakasan dan alat ganti E&E. Walau bagaimanapun, pendapatan komoditi utama meningkat kepada 15% daripada jumlah eksport, dengan pertumbuhan kukuh sebanyak 44% (Januari-Jun 2002: -4.4%), hasil daripada pemulihan permintaan luar dan peningkatan harga.

Dengan jangkaan harga komoditi yang lebih rendah berikutan peningkatan dalam penawaran global minyak sayuran, termasuk minyak kelapa sawit dan minyak mentah, nilai eksport komoditi utama dijangka menurun hingga ke penghujung tahun ini. Walau bagaimanapun, peningkatan kukuh dalam eksport barangan pembuatan adalah dijangka, disumbang oleh peningkatan semula kitaran penggantian komputer korporat global. Dengan kenaikan pendapatan eksport barangan pembuatan dijangka mengimbangi kesan pengurangan eksport komoditi, pendapatan eksport keseluruhan Malaysia (barangan) akan terus mencatat pertumbuhan kukuh 4.1% dalam tahun 2003.

Eksport Barangan Pembuatan

Pertumbuhan eksport pembuatan terus kukuh dengan peningkatan permintaan elektronik global ...

Eksport barangan pembuatan yang merangkumi lebih 80% daripada jumlah eksport kekal sebagai penyumbang utama kepada jumlah keseluruhan eksport Malaysia sejak awal tahun 1990an. Eksport barangan pembuatan secara keseluruhannya berkembang lebih dua kali ganda berbanding tahun lepas, seperti di *Jadual 2.11*, berikutan permintaan yang bertambah baik terutama bagi separa konduktor, diikuti oleh kimia dan produk kimia, besi dan keluli serta produk petroleum.

Produk bukan elektronik telah mencatat peningkatan kukuh hampir 20% pada separuh pertama tahun 2003. Peningkatan ini menyumbang kepada 35% daripada eksport barangan pembuatan, hasil daripada prestasi yang lebih baik bagi produk kimia, plastik, besi,

JADUAL 2.11

**Eksport Barangan Pembuatan
Januari-Jun**

	RM juta		Perubahan (%)		Bahagian (%)	
	2002	2003	2002	2003	2002	2003
Peralatan elektronik, elektrik dan jentera	102,998	97,383	1.8	-5.5	70.3	65.6
Separa konduktor	32,101	40,023	-0.1	24.7	21.9	26.9
Kelengkapan dan alat ganti elektronik	44,060	32,119	15.5	-27.1	30.1	21.6
Keluaran elektrik	26,837	25,241	-13.2	-5.9	18.3	17.0
Tekstil, pakaian dan kasut	3,962	4,180	-14.7	5.5	2.7	2.8
Keluaran kayu	4,344	4,631	-3.9	6.6	3.0	3.1
Keluaran getah	2,246	2,479	-2.2	10.4	1.5	1.7
Makanan, minuman dan tembakau	3,105	3,465	10.4	11.6	2.1	2.3
Keluaran petroleum	3,781	5,549	-27.3	46.8	2.6	3.7
Kimia, keluaran kimia dan plastik	9,135	11,347	3.9	24.2	6.2	7.6
Keluaran galian bukan logam	1,384	1,415	16.1	2.2	0.9	1.0
Besi, keluli dan keluaran logam	4,318	5,578	-0.2	29.2	2.9	3.8
Kelengkapan pengangkutan	1,661	1,599	31.4	-3.7	1.1	1.1
Pelbagai keluaran pembuatan	9,484	10,833	2.6	14.2	6.5	7.3
Jumlah	146,418	148,458	0.6	1.4	100.0	100.0

Sumber: Jabatan Perangkaan.

keluli, logam serta petroleum. Dalam sektor E&E, eksport separa konduktor pulih daripada penguncupan 0.1% tahun lepas dengan merekod pertumbuhan dua digit sebanyak 24.7%. Pertumbuhan kukuh ini disebabkan oleh peningkatan jualan komputer, peralatan komunikasi dan pengenalan barangan pelbagai fungsi seperti telefon pintar. Sumbangan eksport bukan E&E kepada keseluruhan eksport barangan pembuatan telah menunjukkan pertambahan sebanyak 28.5% (Januari-Jun 2002: 25.7%). Meskipun begitu, E&E terus menjadi penyumbang terbesar kepada eksport Malaysia dengan sumbangan sebanyak 65.6% dalam tempoh enam bulan pertama 2003.

Pendapatan eksport produk E&E berkurangan sebanyak 5.5% dalam tempoh enam bulan pertama 2003. Pengurangan ini disebabkan oleh kelembapan permintaan AS untuk kelengkapan dan alat ganti elektronik, terutamanya peralatan dan perkakasan pemprosesan data automatik pejabat yang mencatatkan penguncupan 27.1%. Sebaliknya, separa konduktor mengalami pemulihan kukuh berbanding kemerosotan


tahun 2001 dan mencapai pertumbuhan stabil berturut-turut mulai suku ketiga 2002. Dengan eksport ke negara-negara rantau Asia Pasifik semakin meningkat, permintaan global untuk separa konduktor Malaysia, terutama kelengkapan elektronik seperti komputer dan perkakasnya akan terus berkembang.

Eksport **separa konduktor** meningkat 24.7% dalam tempoh enam bulan pertama tahun ini, seperti di *Carta 2.9*, berbanding -0.1% dalam tempoh yang sama tahun 2002. Pemulihan sektor ini lebih menyeluruh dengan komputer dan barangan elektronik pengguna serta aplikasi komunikasi, mendorong pertumbuhan dan menyumbang kepada kemunculan komponen elektronik yang lebih cepat dan lebih kecil seperti sensor bio-perubatan, pemproses isyarat digital dan cip litar bersepadu. Dengan jangkaan tinjauan global yang lebih baik, permintaan untuk separa konduktor dijangka meningkat. Oleh itu, sumbangan separa konduktor kepada jumlah keseluruhan eksport dijangka meningkat melebihi 23% pada tahun 2003.

CARTA 2.9

Pertumbuhan Eksport Barangan Pembuatan Utama

(% perubahan tahunan)



Sumber: Jabatan Perangkaan.

Kimia, produk kimia dan plastik mencatat pertumbuhan kukuh 24.2% dalam tempoh enam bulan pertama tahun ini (Januari-Jun 2002: 3.9%), dan meningkatkan sumbangannya kepada eksport pembuatan hampir kepada 8%. Pertumbuhan eksport yang tinggi ini disebabkan oleh kenaikan eksport kimia organik, plastik dalam bentuk utama dan barangan plastik, yang merangkumi 64% daripada jumlah keseluruhan eksport sektor ini. Haluan eksport utama Malaysia adalah China dengan nilai dagangan berjumlah RM1.3 bilion (30%), diikuti oleh Jepun dan Singapura. Sementara itu, produk plastik seperti beg plastik, kepingan plastik/filem dan bekas penyimpanan telah meningkat, terutama ke Hong Kong, Amerika Selatan, Australia, Jepun dan Singapura.

Farmaseutikal kini menjadi semakin penting kepada pendapatan eksport dengan eksport ke negara ASEAN dan Afrika serta Timur Tengah meningkat lebih daripada 5% tahun ini. Pengeluar farmaseutikal tempatan kini meningkatkan usaha R&D mereka, terutama dalam bidang inovasi dan penambahbaikan produk herba dan ubatan

tradisional, seperti tongkat ali, pegaga, dukung anak dan keluaran generic. Perkembangan yang semakin meningkat ini telah menarik pelaburan asing dalam R&D bagi keluaran farmaseutikal dan penubuhan pusat R&D serantau di Malaysia. Tambahan pula, peningkatan permintaan dunia terhadap peralatan perubatan, terutama di rantau Asia Pasifik telah meneraju pertumbuhan yang tinggi bagi industri ini.

Eksport **produk petroleum** mencatat pemulihan, seperti di *Jadual 2.11*. Industri ini mencatat pertumbuhan kukuh sebanyak 46.8% tahun ini selepas penguncupan 27.3% tahun lepas dan meningkatkan kedudukannya sebagai penyumbang ketiga terbesar kepada pendapatan eksport. Petroleum ditapis yang mencatat pertumbuhan tinggi 59% dan menyumbang 77% kepada jumlah eksport keluaran petroleum menyumbang kepada pemulihan. Eksport tinggi bagi produk petroleum yang ditapis adalah gambaran terutamanya permintaan yang lebih tinggi dari negara-negara Asia.

Dalam tempoh enam bulan pertama tahun 2003, pendapatan eksport besi, keluli dan produk logam meningkat tinggi sebanyak 29.2% (Januari-Jun 2002: -0.2%) dan kekal sebagai penyumbang keempat terbesar dengan eksport berjumlah RM5,578 juta. Keluaran besi dan keluli terutamanya paip dan tiub meningkat 61.1%, menyumbang dengan banyaknya kira-kira 41% kepada jumlah produk eksport besi, keluli dan logam. Sementara itu, eksport logam ditempa meningkat 16% berikutan eksport keluaran berasaskan logam yang lebih tinggi.

Eksport Komoditi Utama





Eksport komoditi utama meningkat kukuh dengan sumbangannya kepada jumlah eksport meningkat....

Pendapatan eksport dari komoditi utama yang terdiri daripada hasil pertanian dan mineral dijangka meningkat 13% atau RM50,645 juta pada 2003. Pendapatan eksport dari komoditi pertanian untuk separuh pertama adalah kukuh dengan kenaikan 42% kepada RM13,891 juta daripada RM9,761 juta pada 2002 disebabkan permintaan luar dan harga yang tinggi di dalam persekitaran penawaran minyak makan dan lemak dunia yang terhad. Walau bagaimanapun, pertumbuhan pendapatan eksport pertanian dijangka sederhana kepada 10% untuk tahun tersebut kepada RM25,186 juta kebanyakannya disebabkan jangkakan harga eksport yang lebih rendah terutamanya minyak sawit pada separuh kedua tahun.

Begitu juga dengan pendapatan eksport dari perlombongan telah meningkat dengan ketaranya sebanyak 46% dalam separuh pertama tahun 2003 disebabkan harga eksport untuk petroleum mentah dan gas asli meningkat tinggi 42% dan 58% dalam tempoh yang sama. Bagi bulan-bulan berikutnya, harga eksport petroleum mentah dijangka lemah dengan bertambahnya bekalan dari Iraq selepas perang. Sumbangan komoditi utama kepada keseluruhan eksport telah bertambah kepada 15% di dalam enam bulan pertama 2003 (Januari-Jun 2002: 11%)

CARTA 2.10

Eksport Komoditi Utama



S - Suku tahunan

JADUAL 2.12

Eksport Komoditi Utama Januari-Jun

	Perubahan (%)			
	2002	2003 ¹	2002	2003 ¹
Minyak sawit¹				
Kuantiti ('000 tan metrik)	5,123	5,765	-4.0	12.5
Nilai seunit (RM/tan metrik)	1,222	1,614	43.5	32.1
Nilai (RM juta)	6,259	9,306	37.7	48.7
Minyak isirong kelapa				
Kuantiti ('000 tan metrik)	363	336	5.9	-7.5
Nilai seunit (RM/tan metrik)	1,390	1,857	9.9	33.5
Nilai (RM juta)	505	624	16.4	23.5
Kayu balak				
Kuantiti ('000 meter padu)	2,257	2,634	1.0	16.7
Nilai seunit (RM/meter padu)	317	369	-5.6	16.4
Nilai (RM juta)	716	971	-4.7	35.6
Kayu gergaji				
Kuantiti ('000 meter padu)	1,217	1,222	-1.8	0.4
Nilai seunit (RM/meter padu)	948	1,025	-1.0	8.0
Nilai (RM juta)	1,154	1,252	-2.0	8.5
Getah				
Kuantiti ('000 tan metrik)	429	460	3.1	7.2
Nilai seunit (sen/kg)	239	353	-0.5	47.7
Nilai (RM juta)	1,027	1,623	2.6	58.0
Lada				
Kuantiti ('000 tan metrik)	8.7	7.6	-39.2	-12.9
Nilai seunit (RM/tan metrik)	6,011	7,243	-23.9	20.5
Nilai (RM juta)	52	55	-53.7	5.0
Koko				
Kuantiti ('000 tan metrik)	10.2	9.0	22.9	-11.8
Nilai seunit (RM/tan metrik)	4,635	6,642	35.9	43.3
Nilai (RM juta)	47	60	67.0	27.7
Petroleum mentah				
Kuantiti ('000 tan metrik)	8,128	8,437	2.1	3.8
Nilai seunit (RM/tan metrik)	644	8,882	-19.1	36.9
Nilai (RM juta)	5,236	7,439	-17.4	42.1
tsh ('000)	341	354	2.1	3.8
Gas asli cecair				
Kuantiti ('000 tan metrik)	6,916	8,306	-11.0	20.1
Nilai seunit (RM/tan metrik)	595	782	-18.6	31.4
Nilai (RM juta)	4,117	6,494	-27.6	57.7
Timah				
Kuantiti ('000 tan metrik)	17.8	5.0	56.1	-71.7
Nilai seunit (RM/tan metrik)	15.4	17.6	-20.0	14.3
Nilai (RM juta)	274	88	25.0	-67.9
Nilai seunit (RM juta)	19,387	27,912	-4.4	44.0

¹ Anggaran.

² Minyak sawit mentah, minyak kelapa sawit yang diproses dan minyak kelapasawit stearin.

Sumber: Jabatan Perangkaan.

Pendapatan eksport minyak sawit mentah (CPO) naik mendadak 49% untuk separuh pertama 2003 merangkumi 67% keseluruhan eksport pertanian. Dari segi kuantiti eksport, ia telah meningkat sebanyak 13% untuk tempoh yang sama. Prestasi kukuh minyak sawit adalah disebabkan harga yang kompetitif dibanding dengan saingan minyak sayuran dan lemak lain, permintaan yang meningkat dari pasaran sedia ada dan baru serta peningkatan harga yang ketara. Harga hantaran tempatan CPO untuk enam bulan pertama 2003 adalah pada purata RM1,532 setan (Januari-Jun 2002: RM1,248). Sungguhpun harga meningkat ia didagangkan pada harga yang rendah berbanding dengan harga kacang soya, minyak bunga matahari dan minyak *rapeseed* dengan 22%, 37% dan 39%. Ini disebabkan oleh keadaan cuaca yang tidak menggalakkan di AS yang mengakibatkan hasil komoditi tersebut berkurangan dan seterusnya menyebabkan harganya meningkat.

Pada masa ini, China merupakan pengimport terbesar CPO menyumbang 17% daripada jumlah eksport. India pula adalah pengimport terbesar dunia bagi minyak makan telah mengalami kekurangan bekalan akibat dari kemarau tahun lepas. Berikutan dengan ini, India telah menjadi pengimport utama CPO. Tambahan pula, usaha mempromosi telah diambil untuk meningkatkan eksport CPO termasuk meningkatkan kesedaran berkaitan kebaikan kesihatan dan permakanan minyak sawit di pasaran baru dan sedia ada. Asia Barat telah muncul sebagai pasaran yang berpotensi kepada minyak sawit Malaysia. Pasaran seperti Iran telah meningkatkan import minyak sawit dari Malaysia. Langkah-langkah yang telah diambil untuk menembusi pasaran baru dan meluaskan pasaran eksport tradisional sedia ada termasuk bertimbal perdagangan, rundingan dua hala, bantuan kredit jangka panjang untuk negara pengimport yang menghadapi masalah pertukaran wang asing dan khidmat bantuan nasihat teknikal untuk meningkatkan penggunaan minyak sawit di dalam pengeluaran makanan dan bukan makanan. Langkah ini didapati berkesan dengan eksport ke China dan Kesatuan Eropah (EU) telah meningkat daripada 14% kepada 43%. Begitu juga pendapatan eksport

dari minyak isirong sawit telah meningkat sebanyak 24% kepada RM624 juta pada tempoh yang sama. Jumlah pendapatan eksport minyak isirong sawit diramalkan meningkat kepada 5% kepada RM1,120 juta dalam tahun 2003.

Bagi tempoh separuh pertama 2003, kuantiti eksport **kayu balak** dan **kayu gergaji** bertambah sebanyak 17% dan 0.4% disebabkan permintaan yang lebih tinggi dari China. Pada masa yang sama nilai eksport kayu balak dan kayu gergaji menunjukkan prestasi yang memberangsangkan dengan kenaikan sebanyak 36% dan 9% untuk tempoh yang sama. Harga eksport kayu balak telah meningkat 16% untuk separuh pertama 2003 disebabkan terutamanya oleh sekatan bekalan yang dikenakan oleh negara pengeluar utama. Bagi bulan-bulan seterusnya, kuantiti eksport untuk kedua-dua produk dijangka akan berkurangan disebabkan pembalakan terkawal selari dengan dasar hutan negara yang mapan. Walaupun kuantiti eksport dijangka jatuh sebanyak 3% untuk keseluruhan tahun, pendapatan eksport kayu balak dan kayu gergaji diramalkan berkembang sebanyak 4% kepada RM1,867 juta dan 0.5% kepada RM2,238 juta menyumbang 8% daripada jumlah eksport komoditi.

Jumlah eksport **getah**, sebahagian besarnya Getah Mutu Malaysia (GMM) meningkat sebanyak 58% untuk enam bulan pertama 2003 disebabkan harga dan kuantiti eksport yang lebih tinggi. Pengurangan jumlah kawasan tanaman getah dan juga kepatuhan untuk mengurangkan eksport getah dibawah perjanjian tiga pihak antara Malaysia, Indonesia dan Thailand telah berjaya meningkatkan harga getah. Harga getah yang meningkat sejak awal tahun diramal terus bertahan dan mencatatkan kenaikan 19% kepada lebih kurang 350 sen sekilogram untuk tahun ini, di atas peningkatan permintaan sejajar dengan pemulihan ekonomi global. Sebaliknya, jangkaan bekalan tinggi yang tidak berlaku selepas musim luruh ditambah pula dengan kegagalan eksport oleh beberapa pengeksport telah menyebabkan bekalan yang rendah. Sebaliknya, jumlah permintaan meningkat hasil daripada pemulihan industri tayar dan automobil serta kelonggaran

kuota import oleh China. Justeru, pendapatan eksport getah dijangka meningkat sebanyak 18% dalam 2003.

Eksport **petroleum mentah** yang merupakan eksport yang kedua terbesar diramal untuk meningkat 3% kepada 17 juta tan (2002 : 16 juta tan). Oleh itu, pendapatan eksport petroleum mentah diramalkan meningkat 13% kepada RM13,100 juta (2002: RM11,600 juta) dengan harga minyak diunjurkan stabil pada USD27 setong untuk keseluruhan 2003. Dari segi nilai eksport seunit, ini mewakili kenaikan 10% kepada lebih kurang RM788 setan. Pendapatan eksport gas asli cecair (LNG) untuk enam bulan pertama berkembang 58% didorong oleh permintaan yang meningkat dan juga harga yang lebih baik. Dari segi nilai eksport seunit, ianya telah meningkat 31% dalam tempoh yang sama, sementara kuantiti juga meningkat 20%. Pada masa ini Malaysia adalah pengeksport LNG ketiga terbesar dunia, mewakili 13% atau 15 juta tan eksport tahunan dunia selepas Indonesia dan Algeria.

Prestasi Import

Import merosot disebabkan pengurangan import barangan modal dan perantaraan, sementara import barangan penggunaan meningkat berikutan permintaan yang kukuh...

Nilai kasar import termasuk kos, insurans dan fret (c.i.f.) dalam tempoh enam bulan pertama 2003, berkurang sebanyak 1.6%, setelah mencatat pertambahan 2.3% dalam tempoh yang sama tahun lepas. Kemerosotan tersebut berpunca daripada pengurangan import barangan modal dan perantaraan berikutan ketidakpastian dalam permintaan luar negara. Namun begitu, seiring dengan peningkatan dalam penggunaan dalam negeri, import barangan penggunaan meningkat, pada kadar yang lebih rendah sebanyak 1.1% (Januari-Jun 2002: 8.8%). Dalam bulan-bulan berikut, dengan ketidakpastian semakin berkurangan dan keyakinan pelabur mula bertapak, import dijangka meningkat pada kadar 0.8% bagi keseluruhan tahun 2003 (2002: 8.3%), sebahagian besarnya dengan peningkatan semula dalam import barangan perantaraan dan modal.

JADUAL 2.13

Import Barangan Mengikut Penggunaan Akhir Januari-Jun

	RM Juta		Perubahan %		Bahagian %	
	2002	2003	2002	2003	2002	2003
Barangan modal	22,622	19,957	-1.1	-11.8	15.4	13.8
Barangan modal (kecuali kelengkapan pengangkutan)	18,992	19,020	-10.1	0.1	84.0	95.3
Alat kelengkapan pengangkutan (perusahaan)	3,630	937	106.6	-74.2	16.0	4.7
Barangan perantaraan	104,813	104,409	0.9	-0.4	71.5	72.4
Makanan dan minuman, utama dan diproses khusus untuk industri	2,237	2,668	4.3	19.3	2.1	2.6
Bekalan perindustrian utama dan diproses	31,160	31,789	-2.4	2.0	29.7	30.4
Bahan api dan pelincir, utama dan diproses	4,949	6,794	-19.2	37.3	4.7	6.5
Alat ganti dan aksesori kelengkapan pengangkutan	3,566	2,739	39.3	-23.2	3.4	2.6
Alat ganti dan aksesori barangan modal (kecuali injap dan tiub termionik)	30,800	20,396	6.2	-33.8	29.4	19.5
Injap dan tiub termionik	32,101	40,023	-0.1	24.7	30.6	38.3
Barangan penggunaan	9,044	9,141	8.8	1.1	6.2	6.3
Makanan dan minuman utama dan diproses khusus untuk penggunaan isi rumah	3,555	3,411	2.3	-4.1	39.3	37.3
Alat kelengkapan pengangkutan (bukan perusahaan)	73	149	17.2	104.9	0.8	1.6
Barang pengguna lain	5,416	5,581	13.4	3.0	59.9	61.1
Barang tahan lama	1,120	1,292	21.0	15.3	12.4	14.1
Bahan separa tahan lama	2,083	1,808	17.1	-13.2	23.0	19.8
Barang tidak tahan lama	2,213	2,481	6.9	12.1	24.5	27.1
Lain-lain (termasuk barang dwi guna)	6,154	6,841	22.5	11.2	4.2	4.8
Import untuk dieksport semula	3,906	3,909	24.8	0.1	2.7	2.7
Import Kasar	146,539	144,257	2.3	-1.6	100.0	100.0

Sumber: Jabatan Perangkaan.

Penangguhan rancangan pelaburan persendirian berikutan keadaan luar negara yang kurang memuaskan mengakibatkan import **barangan modal** merosot sebanyak 11.8% (Januari-Jun 2002: -1.1%). Dengan siapnya pembinaan beberapa projek infrastruktur pada tahun lepas, seperti, pembesaran program pengangkutan oleh syarikat penerbangan dan perkapalan, penyerahan kereta api untuk *Express Rail Link* yang menghubungkan KLIA dan Kuala Lumpur

Sentral, menyebabkan import alat kelengkapan pengangkutan untuk tujuan industri merosot dengan ketara sebanyak 74.2% dalam tempoh enam bulan pertama tahun ini (Januari-Jun 2002: +106.6%). Di antaranya termasuk kenderaan kereta api termasuk *hovertrains* (-67.5%) kapal, bot dan struktur terapung (-67.2%) dan trailer dan separa trailer (-25.9%). Namun begitu, import barangan modal lain meningkat 0.1% (Januari-Jun 2002: -10.1%).

Dalam tempoh enam bulan pertama 2003, import **barangan perantaraan** merosot sebanyak 0.4% (Januari-Jun 2002: +0.9%), terutamanya disebabkan oleh pengurangan import alat ganti dan aksesori barangan modal (kecuali injap dan tiub termionik) sebanyak 33.8% dan menyumbang sebanyak 19.5% daripada barangan perantaraan yang diimport. Penurunan dalam import juga disebabkan oleh pengurangan dalam alat ganti dan aksesori kelengkapan pengangkutan yang merosot 23.2% (Januari-Jun 2002: +39.3%). Sebaliknya, semua komponen barangan perantaraan yang lain mencatatkan peningkatan dalam tempoh lapuran. Import injap dan tiub termionik, yang sebahagian besarnya digunakan sebagai input dalam industri elektronik yang berasaskan eksport, meningkat ketara sebanyak 24.7% (Januari-Jun 2002: -0.1%) dan menyumbang 38.3% (Januari-Jun 2002: 30.6%) daripada jumlah barangan perantaraan. Arah aliran yang sama dicatatkan untuk bahan api dan pelincir dan bekalan perindustrian yang berkembang masing-masing sebanyak 37.3% dan 2%. Selaras dengan perbelanjaan penggunaan yang berterusan, import makanan dan minuman meningkat 19.3%. Sungguhpun, import barangan perantaraan secara keseluruhan merosot, sumbangannya kepada jumlah import bertambah baik kepada 72.4% (Januari-Jun 2002: 71.5%).

Selaras dengan perbelanjaan persendirian yang lebih tinggi, import **barangan penggunaan** berkembang sebanyak 1.1% dalam tempoh enam bulan pertama 2003 (Januari-Jun 2002: 8.8%). Peningkatan ketara dicatat untuk import alat kelengkapan pengangkutan, yang meningkat sebanyak 104.9% (Januari-Jun 2002: 17.2%). Import kedua-dua barang tahan lama dan barang tidak tahan lama meningkat sementara import barang separa tahan lama merosot dalam enam bulan pertama tahun ini. Import barang tidak tahan lama termasuk minyak wangi, bahan kecantikan dan bahan kebersihan diri meningkat sebanyak 12.1% (Januari-Jun 2002: 6.9%), sementara import barangan tahan lama termasuk keluaran elektrik isi rumah dan bukan elektrik, jam tangan dan jam dinding dan barang kemas meningkat sebanyak 15.3% (Januari-Jun 2002: 21%). Sebaliknya, import barangan separa tahan

lama merosot sebanyak 13.2% (Januari-Jun 2002: +17.1%). Import makanan dan minuman mengalami arah aliran yang sama, merosot sebanyak 4.1% dalam tempoh yang sama, seperti dalam *Jadual 2.13*.

Haluan Perdagangan

Struktur perdagangan terus meluas...


Perdagangan luar Malaysia terus kukuh, walaupun terdapat ketidaktentuan persekitaran global dalam tempoh separuh tahun pertama 2003. Pada masa yang sama, struktur perdagangan telah berubah dengan memberi tumpuan kepada aktiviti perdagangan rantau Asia Timur dan dipelbagaikan kepada pasaran bukan tradisi. Walaupun AS terus menjadi rakan dagangan utama sejak 1997, namun kedudukannya telah berkurangan dengan ketara sekali pada separuh pertama tahun ini.

Jumlah perdagangan Malaysia terus berkembang 3% kepada RM325,118 juta (Januari-Jun 2002: 1.1%, RM315,755 juta), seperti di *Carta 2.11* dan *Jadual 2.14*, digerakkan terutamanya oleh peningkatan ketara eksport sebanyak 6.9% (Januari-Jun 2002: 0.1%), manakala import mencatat pertumbuhan negatif sebanyak 1.6% (Januari-Jun 2002: +2.3%). Berdasarkan kepada arah aliran ini, Malaysia terus menikmati lebihan yang lebih besar sebanyak RM36,605 juta dalam tempoh kajian (Januari-Jun 2002: RM22,677 juta). Kedudukan lebihan imbalan perdagangan luar ini kekal untuk 68 bulan berturut-turut sejak November 1997 dan dijangka terus kukuh hingga ke penghujung tahun setelah berlalunya kesan pencerobohan di Iraq dan wabak SARS serta pemulihan ekonomi dunia dan perdagangan antarabangsa. Secara keseluruhannya, Malaysia terus mencatat lebihan perdagangan dengan rakan-rakan perdagangan utama seperti AS, EU, Singapura dan Hong Kong, dan mengalami defisit dengan Jepun dan Korea Selatan.

Dengan perubahan pantas senario perdagangan antarabangsa, terutamanya dengan kemasukan China ke dalam Pertubuhan Dagangan Sedunia (WTO), struktur perdagangan Malaysia telah berubah dengan peningkatan dagangan dengan

CARTA 2.11

Haluan Perdagangan Luaran Januari–Jun



negara Asia Timur dan secara umumnya beralih daripada pasaran AS. Jumlah sumbangan perdagangan dengan rantau ini (kecuali Singapura dan Jepun) meningkat dengan ketara kepada 30% dalam separuh pertama tahun ini (1997-2002: 25.2%), sementara perdagangan dengan Singapura dan Jepun berkurangan sedikit dalam tempoh yang sama kepada 28.8% (1997-2002: 31.3%). Pada masa yang sama, perdagangan dengan Asia Selatan (termasuk India) dan rantau Asia Barat terus meningkat, hasil kejayaan dalam mencari pasaran baru sebagai strategi mempelbagaikan pasaran bukan tradisi.

Kemerosotan perdagangan Malaysia dengan AS disebabkan sebahagiannya oleh kelembapan permintaan secara keseluruhannya terhadap peralatan elektrik dan produk berkaitan elektronik daripada Malaysia. Ini diburukkan lagi dengan ketidakpastian persekitaran luar, terutamanya semasa pencerobohan di Iraq. Oleh itu, eksport ke pasaran AS merosot dengan ketara sebanyak 14% (Januari-Jun 2002: +4.8%). Begitu juga import daripada AS, berkurangan sebanyak 10.2%

(Januari-Jun 2002: +7.1%). Walaupun kemerosotan eksport lebih ketara berbanding import, Malaysia terus mencatat lebih perdagangan yang agak tinggi, dengan mencatat 20.1% daripada jumlah imbalan perdagangan (Januari-Jun 2002: 42.7%). Eksport utama ke AS adalah barangan yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi seperti *storage units*, alat ganti dan aksesori untuk mesin memproses data automatik, litar bersepadu digital dan *monolithic* lain, dan komponen unit input output. Kesemuanya, berjumlah 31% daripada jumlah eksport ke AS. Import utama daripada AS ialah alat ganti untuk litar elektronik bersepadu dan *microassemblies*, litar bersepadu *monolithic* lain, alat ganti dan aksesori untuk mesin memproses data automatik, litar bersepadu *hybrid* dan *printed circuits*.

Walaupun **Singapura** menghadapi keadaan ekonomi yang sukar pada separuh tahun pertama, perdagangan Malaysia dengan Singapura kekal tidak berubah, menyumbang 14.8% daripada

jumlah perdagangan Malaysia. Dengan peningkatan sederhana eksport sebanyak 3.6%, dan pertumbuhan negatif 1% dicatat oleh import, Malaysia terus menikmati imbalan perdagangan yang menggalakan dengan Singapura. Kedudukan yang menggalakan sejak dari tahun-tahun yang lepas adalah hasil peningkatan dalam penggunaan pelabuhan tempatan dan pelaksanaan perdagangan secara terus oleh ahli perniagaan Malaysia. Barangan seperti alat ganti dan aksesori untuk mesin memproses data automatik, litar bersepadu *hybrid*, litar bersepadu digital dan *monolithic* lain, dan *transistors* lain merupakan kategori utama eksport, menyumbang 36.1% daripada jumlah eksport. Sementara import terdiri daripada litar bersepadu *monolithic* lain, petrol tanpa plumbum, alat ganti untuk litar elektronik bersepadu dan *microassemblies*, *residual fuel oil*, dan alat ganti dan aksesori untuk mesin memproses data automatik, menyumbang 32.4% daripada jumlah import.


Imbalan perdagangan dengan Jepun, yang sentiasa menyebelahi negara berkenaan, dengan

defisit meningkat lebih kecil sebanyak RM4,418 juta (Januari-Jun 2002: RM6,742 juta), dipacu oleh prestasi eksport yang menggalakan. Eksport kembali meningkat kukuh sebanyak 7.4% berbanding import yang menguncup 3.5%. Eksport utama adalah gas asli cecair, litar bersepadu digital *monolithic*, alat ganti dan aksesori untuk mesin memproses data automatik, *naphtha* dan minyak petroleum mentah. Barangan import terutamanya ialah litar elektronik bersepadu dan *microassemblies*, litar bersepadu *monolithic* lain, litar bersepadu *hybrid*, batang paip yang digunakan untuk industri minyak dan gas dan alat ganti dan aksesori untuk mesin memproses data automatik.

Perdagangan Malaysia dengan Timur Laut Asia (kecuali Jepun) terus berkembang dengan agak kukuh sebanyak 7.4% dan mencatat sumbangan sebanyak 19.7% daripada jumlah perdagangan (Januari-Jun 2002: 25.4%, 18.9%). Kemasukan China ke dalam WTO telah menyediakan peluang yang besar bagi aktiviti perdagangan antara rantau Asia untuk meningkatkan perdagangan

CARTA 2.12

Imbalan Perdagangan



Sumber: Jabatan Perangkaan.

JADUAL 2.14

Haluan Perdagangan Luaran Januari-Jun

	Eksport				Import				Imbangan Perdagangan	
	% Perubahan		% Bahagian		% Perubahan		% Bahagian		RM juta	
	2002	2003	2002	2003	2002	2003	2002	2003	2002	2003
Amerika Syarikat	4.8	-14.0	21.0	16.9	7.1	-10.2	17.6	16.1	9,681	7,348
Singapura	2.8	3.6	17.3	16.8	-4.8	-1.0	12.1	12.2	11,545	12,785
Jepun	-20.7	7.4	11.3	11.4	-10.4	-3.5	17.7	17.3	-6,742	-4,418
Timur Laut Asia (kecuali Jepun)	17.4	18.4	17.5	19.4	34.4	-3.4	20.6	20.2	-530	5,940
China, PRC	36.2	26.7	5.2	6.2	76.6	6.3	7.2	7.7	-1626	79
Taiwan	21.9	-0.1	4.0	3.7	8.9	-17.4	5.7	4.8	-1,716	-261
Korea Selatan	-3.6	2.3	3.3	3.1	45.9	-6.0	5.2	5.0	-2,128	-1,545
Hong Kong SAR	13.8	34.3	5.1	6.4	2.7	6.2	2.5	2.7	4,930	7,644
Kesatuan Eropah	-10.0	11.1	12.4	12.9	-11.7	2.9	11.3	11.8	4,502	6,355
United Kingdom	-12.9	2.8	2.4	2.3	-15.6	-7.6	2.1	2.0	1,058	1,407
Jerman	-10.0	24.4	2.1	2.5	-3.0	25.5	3.5	4.5	-1,634	-2,088
Belanda	-16.0	-3.5	3.8	3.5	-12.7	-10.8	0.8	0.7	5,288	5,191
Perancis	31.2	39.9	1.4	1.8	-14.0	22.8	1.3	1.7	338	807
Ireland	-38.2	9.6	0.3	0.3	-27.1	-47.5	1.0	0.5	-877	-159
Itali	-14.4	57.8	0.5	0.7	-11.8	-6.8	0.8	0.8	-363	202
ASEAN (kecuali Singapura)	10.2	7.9	9.2	9.3	15.0	5.5	10.8	11.6	-329	35
Thailand	9.4	11.4	4.3	4.5	5.9	1.3	4.1	4.2	1,313	2,065
Indonesia	17.4	10.6	2.0	2.1	7.8	11.8	3.1	3.5	-1,084	-1,250
Filipina	-0.2	0.5	1.5	1.4	42.0	4.7	3.1	3.3	-2,105	-2,307
Brunei	-17.5	26.7	0.3	0.3	-33.3	54.7	0.0	0.0	450	569
Myanmar	4.4	-36.8	0.3	0.2	-9.6	15.6	0.1	0.1	309	121
Asia Selatan	2.4	46.9	2.8	3.8	-12.4	-6.2	0.9	0.9	3,297	5,574
India	-4.1	57.4	1.7	2.6	-14.8	-6.7	0.8	0.8	1,707	3,476
Asia Barat	4.4	21.3	2.1	2.4	-36.6	58.8	1.6	2.5	1,325	738
Arab Saudi	12.6	6.7	0.4	0.4	-45.2	55.2	0.5	0.8	-52	-428
Emiriyah Arab Bersatu	-7.6	24.9	0.9	1.0	-38.9	209.2	0.1	0.4	1,330	1,326
Yaman	36.4	39.9	0.1	0.1	-10.3	19.1	0.4	0.4	-390	-433
Oman	-64.8	38.1	0.0	0.1	-56.7	213.5	0.2	0.6	-184	-700
Australia	-6.9	21.1	2.1	2.4	-10.4	-10.9	1.8	1.6	1,045	2,097
New Zealand	-3.6	17.5	0.3	0.4	-10.6	-5.9	0.4	0.4	-67	67
Eropah Tengah & Timur	-14.4	16.8	0.4	0.4	19.1	34.1	0.2	0.2	361	379
Afrika	20.8	34.8	1.0	1.3	-20.0	9.3	0.4	0.4	1,161	1,712
Negara lain	-18.2	14.3	2.6	2.6	-2.0	0.4	4.6	4.8	-2,572	-2,007
% Perubahan/Bahagian	0.1	6.9	100.0	100.0	2.3	-1.6	100.0	100.0	-	-
RM juta			180,862				144,257		22,677	36,605

Sumber: Jabatan Perangkaan.

dua hala. Hasilnya, perdagangan Malaysia dengan China dan Hong Kong terus mencatat pertumbuhan dua digit iaitu 15.7% dan 25.9% (Januari-Jun 2002: 55.5%, 10.3%). China kekal sebagai rakan perdagangan utama, menyumbang 6.9% daripada jumlah perdagangan Malaysia, diikuti oleh Hong Kong SAR (4.7%), Taiwan (4.2%) dan Korea Selatan (3.9%). Eksport utama ke rantau ini ialah litar bersepadu digital *monolithic*, gas asli cecair, minyak kelapa sawit dan minyak petroleum mentah. Kesemuanya, berjumlah 38.5% daripada keseluruhan eksport. Sebahagian besar daripada eksport minyak kelapa sawit adalah untuk pasaran China, meningkat 71.4% pada separuh pertama tahun (Januari-Jun 2002: 63.4%). Barangan import utama daripada rantau ini ialah litar bersepadu *monolithic* lain, alat ganti untuk litar elektronik bersepadu dan *microassemblies*, alat ganti dan aksesori untuk mesin memproses data automatik, perkakasan transmisi lain, termasuk perkakasan *reception*, panel penunjuk dan mesin memproses data automatik lain.

Jumlah perdagangan dengan EU, merupakan antara rakan dagang utama negara, meningkat 7.5% (Januari-Jun 2002: -10.8%). Dengan peningkatan eksport dan import, masing-masing sebanyak 11.1% dan 2.9%, Malaysia terus mencatat lebihan yang agak besar dengan EU sebanyak RM6,355 juta (Januari-Jun 2002: RM4,502 juta). Di kalangan EU, Jerman masih merupakan rakan dagangan terbesar, menyumbang 3.4% daripada jumlah perdagangan Malaysia, diikuti oleh Belanda (2.3%) dan United Kingdom (2.2%). Jumlah perdagangan dengan ketiga-tiga negara ini ialah RM25,382 juta (Januari-Jun 2002: RM23,660 juta).

Hasil peningkatan perdagangan antara rantau ASEAN (tidak termasuk Singapura) serta pemulihan ekonomi negara-negara ahli, perdagangan Malaysia dengan negara-negara ini berkembang dengan ketara sebanyak 6.7%, menyumbang 10.3% daripada jumlah perdagangan pada separuh pertama tahun ini (Januari-Jun 2002: 12.6%, 10%). Dengan peningkatan eksport sebanyak 7.9% (Januari-Jun 2002: 10.2%), lebih tinggi daripada import iaitu 5.5% (Januari-Jun 2002: 15%), Malaysia telah mencatat lebihan dengan negara rantau ini sebanyak RM35 juta (Januari-Jun 2002: -RM329 juta). Walaupun terdapat jumlah defisit perdagangan sebanyak RM3,557 juta dengan

Indonesia dan Filipina, Malaysia terus mencatat lebihan perdagangan dengan Thailand, Brunei, Vietnam, Myanmar, Cambodia dan Laos berjumlah RM3,592 juta. Kategori eksport utama, termasuk minyak petroleum mentah, alat ganti dan aksesori untuk mesin memproses data automatik, alat ganti untuk litar elektronik bersepadu dan *microassemblies*, tiub gambar televisyen *cathode-ray* serta litar bersepadu digital *monolithic*. Kategori utama import sebaliknya, termasuk litar bersepadu *hybrid*, litar bersepadu *monolithic* lain, alat ganti untuk litar elektronik bersepadu dan *microassemblies*, alat ganti dan aksesori untuk mesin memproses data automatik dan biji koko.

Jumlah perdagangan dengan Asia Barat berkembang kukuh sebanyak 35.9% (Januari-Jun 2002: -16.6%) dengan mencatat sumbangan yang lebih tinggi iaitu 2.5% daripada jumlah perdagangan (Januari-Jun 2002: 1.9%). Kedua-dua import dan eksport meningkat tinggi sebanyak 58.8% (Januari-Jun 2002: -36.6%) dan 21.3% (Januari-Jun 2002: 4.4%). Malaysia terus mencatat lebihan dagangan sebanyak RM738 juta (Januari-Jun 2002: 1,325 juta), terutamanya lebihan dagangan dengan Emiriah Arab Bersatu (UAE), Iran, Syria dan Jordan. Di kalangan Asia Barat, rakan perdagangan utama adalah UAE dan Saudi Arabia, masing-masing menyumbang 0.8% dan 0.6% daripada jumlah perdagangan Malaysia, diikuti oleh Yaman dan Oman, masing-masing menyumbang 0.3%. Barangan eksport utama ke rantau ini ialah minyak kelapa sawit, barang kemas dan alat ganti logam berharga lain dan alat penerima televisyen berwarna, sementara import kebanyakannya adalah minyak petroleum mentah, *naphtha*, cecair petroleum lain, aloi aluminium dan emas.

Imbangan Pembayaran

Lebihan akaun semasa meningkat dan rizab antarabangsa negara semakin kukuh...

Akaun semasa imbangan pembayaran dijangka bertambah baik dan mencatat lebihan bagi kali kelima berturut-turut dalam tahun 2003. Lebihan tersebut adalah hasil daripada jangkaan peningkatan yang lebih tinggi dalam akaun barangan dan defisit yang mengecil dalam akaun pindahan semasa. Sementara itu, pengaliran

keluar bersih dalam akaun kewangan dijangka berterusan disebabkan oleh pengaliran keluar yang lebih tinggi dalam pelaburan lain dan pengaliran masuk yang lebih rendah daripada pelaburan langsung. Seperti tahun-tahun sebelumnya, lebih dalam akaun semasa dijangka melebihi daripada yang diperlukan untuk membiayai pengaliran keluar bersih dalam akaun kewangan, dan ini mengekalkan keseluruhan imbangan pembayaran dalam kedudukan lebih untuk kali ketiga berturut-turut sejak 2001.

Malaysia sentiasa mencatatkan lebih **akaun barangan** dalam imbangan pembayaran pada setiap tahun. Memandangkan keteguhan akaun barangan, ianya dijangka mencatat lebih yang lebih tinggi berjumlah RM81,043 juta pada tahun 2003 (2002: RM68,914 juta), sungguhpun persekitaran luaran kurang memuaskan terutamanya dalam tempoh separuh pertama tahun ini. Ini berdasarkan kepada jangkaan pertumbuhan eksport barangan yang lebih kukuh

pada 4% berbanding import pada kadar yang lebih rendah 0.7%.

Sebaliknya, **akaun perkhidmatan** dijangka mencatat defisit yang lebih tinggi berjumlah RM8,458 juta (2002: -RM5,966 juta), berpunca dari pengaliran masuk bersih yang lebih rendah daripada perjalanan disebabkan oleh impak wabak SARS. Penerimaan dari **akaun pengangkutan** dijangka meningkat lagi sebanyak 0.9% pada 2003 (2002: 3.9%), berikutan langkah Kerajaan yang berterusan untuk mempromosi penggunaan lapangan terbang tempatan, khususnya Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan pelabuhan tempatan sebagai pusat pemunggahan serantau. Usaha juga telah diambil untuk memastikan pergerakan kargo laut-udara yang licin, melibatkan Pelabuhan Klang di Selangor dan Pelabuhan Tanjung Pelepas (PTP) di Johor. Sungguhpun begitu, akaun pengangkutan masih mencatat pengaliran keluar bersih yang mewakili 2.9% daripada KDNK.

JADUAI 2.15

Akaun Semasa Imbangan Pembayaran 2002-2003 (RM juta)

	2002			2003 ¹		
	Penerimaan	Pembayaran	Bersih	Penerimaan	Pembayaran	Bersih
Barangan	354,855	285,941	68,914	368,915	287,872	81,043
Perkhidmatan	56,536	62,502	-5,966	53,656	62,114	-8,458
Pengangkutan	10,847	22,389	-11,542	10,943	22,240	-11,297
Perjalanan	27,049	9,947	17,102	22,893	9,585	13,308
Perkhidmatan lain	18,166	29,408	-11,242	19,373	29,742	-10,369
Urus niaga Kerajaan	474	758	-284	447	547	-100
Pendapatan	8,129	33,190	-25,061	8,987	35,502	-26,515
Pampasan pekerja	1,653	2,832	-1,179	1,977	3,025	-1,048
Pendapatan pelaburan	6,476	30,358	-23,882	7,010	32,477	-25,467
Pindahan semasa	2,513	13,079	-10,566	2,364	11,667	-9,303
Imbangan akaun semasa	422,033	394,712	27,321	433,922	397,155	36,767

¹ Anggaran.

Aliran masuk bersih dalam **akaun perjalanan**, merangkumi perbelanjaan bagi perniagaan dan persendirian serta bayaran untuk pendidikan dan haji/umrah, dijangka berkurang 22.2% (2002: +5.9%). Kadar pertumbuhan dalam penerimaan perjalanan dijangka merosot 15.4% pada 2003 (2002:+3.7%) disebabkan sebahagian besarnya oleh kesan daripada pertumbuhan ekonomi dunia yang rendah, pencerobohan Iraq dan SARS. Langkah proaktif Kerajaan yang menepati masa serta penyelesaian segera pencerobohan di Iraq dan kejayaan membendung wabak SARS dengan cepat telah membantu mengurangkan impaknya. Tambahan pula, promosi pelancongan secara intensif dan dengan menjadi tuan rumah kepada beberapa mesyuarat antarabangsa, seperti sidang kemuncak Negara-negara Berkecuali (NAM) dan Pertubuhan Negara-negara Islam (OIC), dan acara sukan antarabangsa terutamanya Formula One Race, Powerboat World Championship and Le Tour De Langkawi, telah juga membantu mengurangkan impak pada


akaun perjalanan. Sebaliknya, pengaliran keluar dalam akaun perjalanan, disumbang sebahagian besarnya oleh perbelanjaan perjalanan pendidikan dan Haji/Umrah, dijangka merosot 3.6% kepada RM9,585 juta (2002: +0.1%). Ini menghasilkan lebih dalam akaun perjalanan.

Akaun transaksi kerajaan dijangka terus mencatat aliran keluar bersih berjumlah RM100 juta pada 2003 (2002:-RM284 juta). Kedua-dua bayaran dan penerimaan menunjukkan pengurangan. Bayaran, sebahagian besarnya terdiri daripada perbelanjaan kedutaan Malaysia, dijangka berjumlah RM547 juta pada 2003 (2002: RM758 juta). Terimaan, sebahagian besarnya terdiri daripada perbelanjaan kedutaan asing, dijangka berjumlah RM447 juta (2002: RM474 juta).

Akaun pendapatan imbalan pembayaran dijangka mencatat defisit yang lebih tinggi. Terimaan daripada pendapatan pelaburan yang merangkumi pulangan daripada aset luaran BNM

CARTA 2.13

Rizab Antarabangsa



Sumber: Jabatan Perangkaan.

dan pendapatan pelaburan Malaysia di luar negara dijangka meningkat 8.3% kepada RM7,010 juta (2002: 15.2% dan RM6,476 juta). Memandangkan penerimaan daripada pelaburan Malaysia di luar negara tidak mungkin melebihi pengaliran keluar keuntungan dan dividen oleh syarikat asing yang beroperasi di Malaysia, komponen pendapatan pelaburan dijangka terus mencatat defisit berjumlah RM25,467 juta (2002: -RM23,882 juta).

Aliran keluar bersih bagi kategori pindahan semasa yang terdiri sebahagian besarnya daripada penghantaran balik wang oleh pekerja asing di negara ini dijangka berkurang kepada RM9,303 juta, berbanding RM10,566 juta pada 2002. Perbezaan ketara dalam aliran keluar bersih sebahagian besarnya disebabkan oleh penghantaran pulang wang sekali oleh 318,272 pekerja asing tanpa izin yang pulang ke negara asal mereka di bawah Program Pengampunan yang dilaksanakan antara 22 Mac hingga 31 Julai 2002. Berikutan itu, jumlah bayaran pindahan semasa berkemungkinan menurun 10.8% pada 2003 (2002: 28%), sementara penerimaan pindahan semasa dari luar negara dijangka berkurangan 5.9% pada 2003 (2002: 23.2%), disebabkan sebahagian besarnya oleh pengurangan pulangan balik oleh rakyat Malaysia yang bekerja di luar negara. Selepas mengambil kira defisit dalam akaun pendapatan dan pindahan semasa, **akaun semasa** imbalan pembayaran dijangka mencatat lebihan yang besar dan kukuh berjumlah RM36,767 juta atau 10.2% daripada KNK (2002: RM27,321 juta atau 8.1% daripada KNK).

Akaun kewangan yang merangkumi pelaburan langsung, pelaburan portfolio dan pelaburan lain dijangka mencatat pengaliran keluar bersih berjumlah RM12,500 juta (2002: -RM11,941 juta). Ini disebabkan terutamanya oleh akaun pelaburan lain, termasuk pinjaman, kredit perniagaan dan simpanan bank, yang dijangka mencatat defisit berjumlah RM16,000 juta (2002: -RM10,370 juta) berikutan sebahagiannya daripada bayaran balik pinjaman bersih. Sebaliknya, akaun pelaburan langsung dijangka mencatat pengaliran masuk

bersih berjumlah RM3,500 juta (2002: RM4,935 juta) sebahagian besarnya dalam sektor pembuatan minyak dan gas.

Lebihan dalam akaun semasa lebih dari mencukupi untuk membiayai defisit dalam akaun kewangan. Selepas mengambil kira pengaliran keluar bersih kesilapan dan ketinggalan berjumlah RM9,020 juta (2002: -RM1,189 juta), **kedudukan keseluruhan** imbalan pembayaran dijangka mencatat aliran masuk bersih sebanyak RM15,247 juta pada 2003 (2002: RM14,191 juta). Oleh yang demikian, kedudukan asas imbalan pembayaran negara dijangka kekal kukuh.


Rizab antarabangsa Malaysia bertambah baik sejak Jun 2001 dan terus meningkat sebanyak RM32,559 juta atau USD8,568 juta sehingga akhir 2002. Pada akhir Ogos 2003, rizab antarabangsa Malaysia berjumlah RM146,941 juta (USD38,669 juta) berbanding RM131,416 juta (USD34,583 juta) pada akhir Disember 2002. Peningkatan rizab ini mencerminkan aliran masuk yang berterusan daripada perdagangan, pelaburan langsung asing dan dana portfolio, yang mengimbangi lebih daripada pembayaran perkhidmatan dan bayaran balik hutang luar negara.

Kedudukan Sumber Negara

Kedudukan sumber negara terus kukuh dengan kadar tabungan yang tinggi...

Walaupun prestasi eksport secara keseluruhannya agak sederhana akibat ketidaktentuan persekitaran luaran, terutamanya pada separuh pertama tahun ini, pendapatan negara dalam nilai semasa terus berkembang kukuh sebanyak 7.1% pada 2003 (2002: 8.7%). Melalui usaha Kerajaan dalam meningkatkan perbelanjaan penggunaan bagi tujuan penjana aktiviti ekonomi dalam negeri, **tabungan kasar negara** dijangka terus meningkat 9.5% kepada RM126,468 juta atau 32.8% kepada KDNK (2002: 7.2%, RM115,510 juta, 32% kepada KDNK), dengan tabungan sektor swasta mencatatkan

CARTA 2.14

Jurang Tabungan-Pelaburan¹

¹ Termasuk perubahan dalam stok.

sumbangan yang agak besar iaitu kira-kira 54% daripada jumlah tabungan. Dengan kadar tabungan ini, Malaysia berada di kalangan negara yang tertinggi mempunyai mudah tunai yang banyak untuk menyokong dan membiayai aktiviti ekonomi. **Jurang tabungan pelaburan** dijangka terus meningkat sebanyak RM36,767 juta atau 9.5% kepada KDNK (2002: RM27,321 juta, 7.6% kepada KDNK), disebabkan oleh pertumbuhan lebih perlahan sebanyak 1.7% kepada RM89,701 juta atau 23.3% kepada KDNK (2002: 10.1%, RM88,189 juta, 24.4% kepada KDNK) dalam perbelanjaan keseluruhan pelaburan (termasuk perubahan dalam stok), disebabkan sebahagiannya oleh peningkatan sederhana dalam pelaburan sektor swasta.

Tabungan sektor swasta dijangka meningkat ketara sebanyak 10.8% (2002: -4.1%), dan mencatat 14.9% kepada KDNK (2002: 14.4%

kepada KDNK). Sektor swasta dijangka mencatat lebih yang lebih tinggi iaitu 6.7% kepada KDNK (2002: 5.6%), walaupun aktiviti perbelanjaan modal (tidak termasuk perubahan dalam stok) telah meningkat 2.9% (2002: -12.9%) dalam nilai semasa. Mudah tunai yang banyak dalam sektor swasta ini membolehkan sektor awam untuk terus membiayai defisitnya melalui sumber dalam negeri tanpa menjejaskan sektor swasta. Mengambil kira langkah pengembangan fiskal yang mencatat peningkatan sederhana dalam perbelanjaan pelaburan iaitu 5.6% (2002: 10%), dan pertambahan tabungan sektor awam yang lebih rendah sebanyak 8.4% (2002: 18.6%), lebih yang sederhana sebanyak 2.8% kepada KDNK (2002: 1.9%) dalam kedudukan sumber negara dijangka dalam sektor ini.

Harga

Kadar inflasi kekal rendah walaupun permintaan dalam negeri meningkat...

Inflasi dijangka kekal terkawal bagi tahun 2003 sungguhpun permintaan dalam negeri meningkat lebih tinggi didorong oleh langkah Kerajaan untuk merangsang pertumbuhan. Secara amnya, tidak terdapat tekanan ke atas harga. Walaupun kapasiti penggunaan telah meningkat sejajar dengan prospek ekonomi yang bertambah baik, beberapa sektor ekonomi masih lagi mengalami lebih kapasiti. Harga import yang kian merosot juga turut membantu membendung peningkatan tahap harga dalam negeri. Persekitaran inflasi yang agak rendah sejak 1999 dengan puratanya di bawah 2% telah membolehkan Kerajaan melaksanakan dasar pro-pertumbuhan untuk merangsang aktiviti ekonomi bagi mengekalkan pertumbuhan ekonomi negara.

Indeks harga pengguna (IHP) yang lebih rendah bagi separuh tahun pertama mencerminkan sentimen pengguna yang terjejas akibat ketidakpastian luaran terhadap pemulihan ekonomi dunia, pencerobohan di Iraq dan wabak SARS. Di samping itu, kempen jualan mega

yang berjadual telah menggalakkan para pengguna untuk menangguhkan perbelanjaan mereka kepada tempoh kempen sahaja. Arah aliran deflasi juga telah mengakibatkan harga import menurun di ekonomi-ekonomi utama dan seterusnya mengurangkan lagi tekanan ke atas harga. Berikutan itu, inflasi kekal terkawal dengan IHP bagi tujuh bulan pertama 2003 meningkat sebanyak 1.1%, seperti di *Jadual 2.16*.

Sebaliknya indeks bagi makanan, penyumbang utama kedua dalam kenaikan keseluruhan IHP telah meningkat sekali ganda kepada 1.2% untuk tujuh bulan pertama (Januari- Julai 2002: 0.6%). Berikutan itu, makanan telah menyumbang sebanyak 38.1% kepada kenaikan keseluruhan IHP berbanding 11.6% bagi tahun lepas. Harga makanan yang meningkat adalah terutamanya bagi Makanan Di rumah, berikutan daripada

JADUAL 2.16

Indeks Harga Pengguna - Malaysia
Januari-Julai
(2000=100)

	Perubahan Tahunan (%)			Sumbangan kepada pertumbuhan (%)	
	Wajaran	2002	2003	2002	2003
Jumlah	100.0	1.8	1.1	100.0	100.0
Makanan	33.8	0.6	1.2	11.6	38.1
Minuman dan tembakau	3.1	5.0	0.1	9.0	0.3
Pakaian dan kasut	3.4	-2.4	-2.1	-4.8	-6.8
Sewa kasar, bahan api dan kuasa	22.4	0.8	0.8	10.2	16.7
Perabot, hiasan dalaman dan peralatan dan pengendalian rumah tangga	5.3	-0.4	-0.5	-1.2	-2.5
Perbelanjaan rawatan perubatan dan kesihatan	1.8	2.4	2.0	2.5	3.4
Pengangkutan dan perhubungan	18.8	6.4	2.3	69.5	40.8
Perkhidmatan rekreasi, hiburan, pendidikan dan kebudayaan	5.9	-0.1	0.6	-0.3	3.4
Pelbagai barangan dan perkhidmatan	5.5	1.1	1.3	3.5	6.6


Sumber: Jabatan Perangkaan.

Peningkatan harga telah dicatat terutamanya bagi pengangkutan dan perhubungan dengan kenaikan yang lebih perlahan iaitu 2.3% (2002:6.4%). Sebagai penyumbang terbesar kepada IHP, pengangkutan dan perhubungan telah menyumbang sebanyak 41% kepada jumlah kenaikan IHP. Kesan dari *'one-off price adjustment'* bagi tarif telekomunikasi (sewa telefon, panggilan tempatan dan perkhidmatan telefon berbayar) pada bulan Mac 2002 adalah tidak berpanjangan. Disamping itu, kenaikan kecil harga runcit petrol dengan jumlah dua sen seliter bagi tempoh 9 bulan kepada RM 1.35 sen seliter pada Ogos 2003 adalah terlalu kecil dan tidak memberi kesan besar ke atas keseluruhan harga.

kenaikan harga bagi buah-buahan dan sayur-sayuran berbanding kejatuhan yang dialami bagi tempoh yang sama pada tahun 2002. Restoran dan gerai makanan juga turut terjejas akibat wabak SARS pada bulan April dan Mei yang mengakibatkan indeks Makanan Di luar rumah meningkat perlahan 1% (2002:1.8%). Harga bagi produk rokok dan tembakau terus terkawal dan stabil dengan peningkatan rendah sebanyak 0.1% berbanding kenaikan 5% bagi tempoh yang sama tahun 2002. Ini disebabkan oleh kadar cukai jualan dan duti import yang lebih tinggi tidak dikenakan ke atas kedua-dua produk tersebut dalam Bajet 2003.

CARTA 2.15

Indeks Harga Pengguna Mengikut Wilayah Januari - Julai (2000:100)



Indeks bagi pakaian dan kasut telah merosot lagi sebanyak 2.1% dengan perabot dan keperluan rumah yang terus merosot 0.5%. Dengan pengenalan jualan mega di seluruh negara secara berkala, pengguna lebih cenderung untuk menangguhkan pembelian dan berbelanja semasa musim jualan. Harga untuk barangan ini menjadi lebih murah kerana permintaan kekal lemah dan ditawarkan pada potongan harga yang besar.

Sungguhpun demikian, harga dijangka menunjukkan arah aliran yang meningkat untuk lima bulan akan datang berikutan kedudukan ekonomi yang bertambah kukuh dengan pemulihan ekonomi dunia yang sederhana pada separuh tahun kedua 2003. Tekanan deflasi sederhana yang mula dikesan di beberapa ekonomi utama dunia dijangka akan membendung inflasi dalam negeri pada tahap yang rendah bagi tahun 2003.

IHP mengikut wilayah menunjukkan arah aliran yang sama seperti tahun-tahun sebelumnya dengan Semenanjung Malaysia mencatat kenaikan yang tertinggi sebanyak 1.2%, lebih tinggi daripada purata kebangsaan sebanyak 1.1%, seperti di *Carta 2.15*. Sebaliknya, Sabah telah mencatat kenaikan sebanyak 1% dan Sarawak, 0.6% di bawah purata kebangsaan. Dalam ketiga-tiga kes ini, peningkatan harga adalah tertinggi bagi pengangkutan dan perhubungan, sementara perbelanjaan rawatan dan kesihatan dan juga makanan menunjukkan arah aliran yang meningkat. Kenaikan dalam harga makanan adalah tinggi di Sabah iaitu 1.7% disebabkan kekurangan penawaran makanan segar.

Kenaikan harga di luar bandar adalah lebih kecil. Berbeza dengan kawasan luar bandar dan bandar, pergerakan harga dikalangan kumpulan berpendapatan rendah yang memperolehi

JADUAL 2.17

Indeks Harga Pengeluar Januari-Julai (1989=100)

	Wajaran	2002	2003
Ekonomi tempatan	100.0	1.5	7.0
Makanan dan binatang hidup yang boleh dimakan	14.9	0.1	-1.7
Minuman dan tembakau	2.1	3.9	1.1
Bahan mentah tak boleh dimakan kecuali bahan api	18.0	3.3	8.7
Minyak galian, pelicin & bahan yang berhubungan	18.8	-9.5	15.6
Minyak dan lemak binatang dan sayur-sayuran	8.5	55.6	21.7
Kimia dan keluaran kimia yang berkaitan	4.4	-1.3	1.6
Barang perkilangan dijeniskan mengikut bahan	10.8	-0.5	1.7
Alat jentera dan kelengkapan pengangkutan	18.3	-0.5	0.1
Pelbagai barang keluaran kilang	3.6	-0.4	0.7
Pelbagai perniagaan & barangan yang tidak dikelaskan secara khusus dalam 's.i.t.c.'	0.6	4.2	0.8
Pengeluaran Tempatan	79.3	2.0	8.5
Import	20.7	-0.6	0.5

Sumber : Jabatan Perangkaan.

pendapatan di bawah RM1,500 dan RM1,000 setiap bulan tidak mempunyai perbezaan yang ketara.

Secara keseluruhannya, Indeks Harga Pengeluar (IHPG) telah mencatat kenaikan sebanyak 7% untuk tempoh tujuh bulan pertama 2003 (2002:1.5%), seperti di *Jadual 2.17*. Kenaikan ini disebabkan oleh peningkatan dalam harga minyak mentah berikutan kebimbangan akan wujudnya gangguan bekalan akibat tercetusnya pencerobohan di Iraq dan pengurangan bekalan akibat krisis minyak di Venezuela. Kenaikan harga yang lebih kecil bagi minyak dan lemak haiwan serta sayur-sayuran, khususnya minyak sawit

sebanyak 21.7% berbanding 55.6% bagi tahun 2002 telah juga mengurangkan IHPG.

Pasaran Buruh

Pengangguran stabil di sebalik upah rendah dan produktiviti yang tinggi...

Keadaan **pasaran buruh** dijangka menjadi lebih memuaskan dalam tahun 2003 disebabkan oleh prestasi ekonomi yang bertambah baik, khususnya pada separuh tahun kedua. Dengan situasi ekonomi semasa yang lebih baik, prospek guna tenaga yang baik dan pengurangan pemberhentian pekerja, **pengangguran** kekal pada paras rendah sepanjang tahun dengan produktiviti yang tinggi di sebalik tahap upah yang rendah.

Walaupun, ketidaktentuan luaran meningkat dan wabak SARS, jumlah pekerja yang diberhentikan menurun sebanyak 11% untuk tempoh tujuh bulan pertama tahun 2003 (2002: -20%). Tambahan pula, bilangan mereka yang bekerja dijangka akan meningkat sebanyak 28% dengan separuh tahun kedua menunjukkan pergerakan yang kukuh. Oleh itu, pengangguran dianggarkan kekal rendah pada 3.5%.

Arah aliran **tenaga buruh** yang berkembang lebih tinggi sedikit daripada 3%, sejak tahun 2001, dijangka berterusan dan berkembang pada kadar 3.1% dalam tahun 2003 (2002: 3.1%), seperti di *Jadual 2.18*. Dengan perlanjutan tempoh pendidikan universal menjadi 11 tahun dan peningkatan bilangan orang yang melanjutkan pendidikan tinggi, perkadaran tenaga buruh untuk kumpulan umur 15-24 tahun telah menurun daripada 49.4 % pada tahun 2000 kepada 48.4% dalam tahun 2003. Namun demikian, secara menyeluruh kadar penyertaan tenaga buruh dijangka akan meningkat daripada 65.7% dalam tahun 2002 kepada 66.9% pada tahun 2003, dengan penyertaan lelaki mencatat kadar yang tinggi iaitu 87.1% berbanding 45.7% bagi perempuan. Dari segi kualiti tenaga buruh, perkadaran tenaga buruh yang memiliki pendidikan tinggi dijangka akan meningkat daripada 13.9% dalam tahun 2000 kepada 17.1% dalam tahun 2003 manakala mereka yang berpendidikan menengah daripada 53.8% kepada 56.2%.

JADUAL 2.18

Penunjuk Tenaga Buruh

	('000)		Perubahan (%)	
	2002	2003 ¹	2002	2003 ¹
Tenaga Buruh	10,198.8	10,514.9	3.1	3.1
Guna Tenaga	9,840.0	10,150.0	3.2	3.2
Pengangguran	358.7	364.9	3.5 ²	3.5 ²

¹ Anggaran.² Kepada tenaga buruh.

Sumber: Unit Perancang Ekonomi.

Sejumlah 10,150 juta orang mendapat pekerjaan dengan sebahagian besarnya di sektor pembuatan seperti di *Jadual 2.19*. Prestasi sektor pembuatan yang bertambah baik dijangka akan menghasilkan peningkatan sumbangannya

kepada **guna tenaga** daripada 21.7% dalam tahun 2002 kepada 27.7% dalam tahun 2003. Guna tenaga di sektor ini juga dijangka akan mencatat kadar pertumbuhan kedua tertinggi sebanyak 5% selepas utiliti. Semua sektor kecuali pertanian dijangka akan mencatat peningkatan pada tahun 2003. Guna tenaga dalam sektor pertanian terus mencatat penurunan, sebahagiannya disebabkan oleh penggunaan kaedah mengusaha tanah yang berteknologi tinggi, peladangan skala besar dan penggunaan mekanisasi, telah menyumbang kepada pengurangan penanaman berintensif buruh.

Bagi kumpulan pekerjaan, permintaan bagi operator kilang dan mesin, dan juru pasang bertambah sebanyak 14.6% sejajar dengan pertumbuhan teguh dalam pembuatan dan pengangkutan begitu juga peningkatan penggunaan mesin dan peralatan dalam proses kerja. Profesional dijangka akan meliputi sebanyak 5.4% daripada jumlah guna tenaga dalam tahun

JADUAL 2.19

Guna Tenaga Mengikut Sektor

	('000)		Bahagian (%)		Perubahan (%)	
	2002	2003 ¹	2002	2003 ¹	2002	2003 ¹
Pertanian, pemburuan,perhutanan dan perikanan	1,405.5	1,403.0	14.9	13.8	-0.1	-0.2
Perlombongan	42.2	42.8	0.3	0.4	1.0	1.4
Pembuatan	2,679.8	2,814.9	21.7	27.7	4.9	5.0
Pembinaan	782.1	794.6	9.5	7.8	1.3	1.6
Perkhidmatan	4,930.3	5,094.8	53.6	50.3	3.7	3.3
Elektrik,gas dan bekalan air	84.5	89.4	0.5	0.9	6.2	5.8
Perdagangan borong dan runcit, hotel dan restoran	1,698.6	1,738.2	15.7	17.1	2.7	2.8
Kewangan, insurans, harta tanah dan perniagaan	607.2	635.3	6.7	6.3	5.7	4.6
Pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan	508.6	522.8	5.2	5.2	2.7	2.8
Perkhidmatan Kerajaan	994.5	1,026.1	10.4	10.1	1.5	3.2
Perkhidmatan lain	1,036.8	1,082.9	15.1	10.7	6.5	4.4
Jumlah	9,840.0	10,150.1	100.0	100.0	3.2	3.2
Sektor Pertama	1,447.8	1,445.8	15.2	14.2	0.0	-0.1
Sektor Kedua	3,461.9	3,609.5	31.2	35.5	4.0	4.3
Sektor Ketiga	5,116.6	5,094.8	53.6	50.3	7.6	-0.4

¹ Anggaran

Sumber: Unit Perancang Ekonomi.

2003 dan dijangka menyaksikan peningkatan arah aliran yang akan berkembang sebanyak 9.2%, seperti di *Jadual 2.20*. Permintaan untuk profesional yang termasuk guru-guru graduan, pereka dan juru analisa sistem komputer adalah selari dengan pembangunan Malaysia sebagai pusat serantau bagi kecermelangan pendidikan, dengan potensi eksport oleh institusi-institusi swasta, dan juga kemajuan ke arah ekonomi berdasarkan pengetahuan. Guna tenaga bagi pekerja-pekerja mahir di bidang pertanian dan perikanan diunjur akan menguncup dengan sumbangannya kepada jumlah guna tenaga menurun daripada 13.7% dalam tahun 2002 kepada 12.7% pada tahun 2003. Ini disebabkan antaranya oleh meningkatnya mekanisasi, amalan agronomi yang baik dan perubahan struktur.

Bilangan pencari kerja yang berdaftar dengan Jabatan Tenaga Rakyat telah menurun sebanyak

1% dengan 37,397 orang pada tujuh bulan pertama tahun 2003 (Januari - Julai 2002 : 37,797). Daripada jumlah ini, hampir separuh (18,387) daripada mereka adalah kumpulan umur 20-24 tahun dan 20% adalah kumpulan umur antara 15-19 tahun. Lebih kurang 68% (25,245) adalah pencari kerja yang memiliki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan 15% (5,588) memiliki Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM), diploma dan ijazah sarjana muda. Daripada jumlah 14,152 atau 38% orang yang berdaftar ingin mencari kerja bagi jawatan profesional dan teknikal serta jawatan pengeluaran dan yang berkaitan dengannya, sementara 55% (20,484) mencari kerja bagi jawatan berkemahiran yang lebih rendah seperti perkeranian dan jawatan-jawatan yang berkaitan.

Bilangan kekosongan jawatan telah menurun sebanyak 28% atau 58,183 orang, bagi tempoh

JADUAL 2.20

**Guna Tenaga Mengikut Kumpulan Pekerjaan Utama
2002-2003**

Pekerjaan ¹	('000)		Bahagian (%)		Perubahan (%)	
	2002	2003 ²	2002	2003 ²	2002	2003 ²
Perundangan, pegawai kanan & pengurus ³	806.9	771.4	8.2	7.6	16	-4.4
Profesional ⁴	501.8	548.1	5.1	5.4	7.4	9.2
Juru teknik dan separa profesional ⁵	1,230.0	1,268.8	12.5	12.5	6.6	3.2
Pekerja perkeranian ⁶	925.0	974.4	9.4	9.6	1.1	5.34
Pekerja perkhidmatan kedai, dan pasar jualan ⁷	1,348.1	1,421.0	13.7	14.0	1.7	5.4
Pekerja mahir pertanian & perikanan ⁸	1,298.9	1,289.1	13.2	12.7	-3.4	-0.8
Kraftangan & pekerja perdagangan berkaitan ⁹	1,200.5	1,086.1	12.2	10.7	2.4	-9.5
Operator kilang & mesin dan juru pasang ¹⁰	1,417.0	1,624.0	14.4	16.0	-2.8	14.6
Pekerja sokongan ¹¹	1,111.9	1,167.3	11.3	11.5	11.1	5.0
JUMLAH	9,840.0	10,150.0	100	100	40	28

¹ Klasifikasi berdasarkan Piawai Klasifikasi Pekerjaan Malaysia 1998.

² Anggaran.

³ Termasuk pengurus besar, pengurus jabatan, & pegawai kanan kerajaan.

⁴ Termasuk tenaga pengajar profesional, akauntan, juru audit, pereka dan juru analisa sistem komputer.

⁵ Termasuk guru tidak berijazah, penyelia dan pengawal trafik udara dan pengangkutan.

⁶ Termasuk kerani pentadbiran, kerani akaun dan kewangan dan telefonis.

⁷ Termasuk tukang masak, pemandu arah dan pelayan restoran.

⁸ Termasuk pekerja pertanian, perladangan dan perhutanan.

⁹ Termasuk tukang pasang, tukang kayu dan tukang jahit.

¹⁰ Termasuk juru pasang perkakasan, pemandu dan operator mesin.

¹¹ Termasuk penjaja, pembantu rumah, tukang cuci dan pekerja pembinaan dan penyelenggaraan.

Sumber: Unit Perancang Ekonomi

tujuh bulan pertama tahun 2003 (2002 : 80,412), seperti di *Carta 2.16*. Berdasarkan guna tenaga mengikut sektor, sektor pembuatan menawarkan peluang pekerjaan terbesar sebanyak 38% atau 21,908 pekerjaan, diikuti oleh sektor pertanian, perhutanan, pemburuan dan perikanan sebanyak 32% atau 18,754 pekerjaan.


Hasil dari persekitaran ekonomi yang lebih baik, bilangan pekerja yang telah diberhentikan menurun sebanyak 11% kepada 14,288 orang (Januari - Julai 2002: 16,052) yang mana 96% adalah penduduk tempatan. Sebahagian besar pemberhentian adalah di sektor pembuatan dengan 10,174 orang atau 71% daripada jumlah pekerja yang diberhentikan. Sektor perdagangan borong dan runcit, hotel dan restoran adalah kedua terbanyak membuat pemberhentian iaitu sebanyak 8.7%. Di antara punca utama pemberhentian ialah kemerosotan yang berlaku dalam kitaran industri elektronik bagi separuh

pertama tahun 2003 termasuk penyusunan semula syarikat, pengurangan permintaan bagi produk, penutupan syarikat serta pencerobohan di Iraq dan wabak SARS.

Produktiviti pengeluaran dalam sektor pembuatan mencatat pertumbuhan sebanyak 6.2% dalam separuh pertama tahun 2003, hasil daripada produktiviti buruh yang tinggi dan kemajuan teknologi. Kenaikan produktiviti adalah tertinggi bagi produk getah, 19.3%, diikuti oleh penapisan petroleum, 11%, produk kimia dan plastik 10.8% serta elektrik dan elektronik 6.9%. Pengeluaran bagi sektor pembuatan melambung sebanyak 8.6% selepas penguncupan sebanyak 0.3% dalam tahun 2002, dengan jualan dan keluaran yang tinggi yang diperolehi daripada kenaikan permintaan. Hasilnya, nisbah jualan pekerja meningkat sebanyak 8.7% kepada RM165,510 daripada RM152,323 tahun lepas, sungguhpun upah rendah berterusan. **Upah**

CARTA 2.16

Arah Aliran Kekosongan, Pemberhentian dan Pencari Kerja Januari 2002 - Julai 2003



Sumber: Jabatan Perangkaan.

benar bagi setiap pekerja hanya meningkat 4.4% sementara nilai jualan menokok sebanyak 10.4%. Ini menjadikan kos unit buruh menurun daripada 91.9 sen seunit (2002) kepada 88.4 sen seunit dalam tahun 2003. Dalam suasana pertumbuhan yang sederhana, tekanan upah dalam pasaran buruh dijangka akan kekal terkawal pada tahun 2003.

Perhubungan buruh di Malaysia di antara majikan dengan kesatuan sekerja secara tradisinya bercirikan satu bentuk perhubungan yang mesra. Sebarang pertikaian dalam industri biasanya dirunding dan diselesaikan dalam suasana yang harmoni. Setakat ini, hanya dua pertikaian yang menghasilkan mogok (2002: 4) yang diadakan dalam keadaan baik, sungguhpun dalam suasana ketidakpastian ekonomi dunia dan keselamatan antarabangsa. Berikutan itu, kehilangan bilangan hari-kerja telah berkurang dengan ketara daripada 708 orang dalam tempoh yang sama pada tahun 2002 kepada 114 hari-kerja pada tahun 2003. Bilangan pekerja terlibat juga berkurangan kepada 57 orang pekerja (2002: 96).

Sebanyak 9.9% daripada jumlah tenaga buruh dalam tahun 2003 adalah warga asing. Sungguhpun, **buruh asing** telah menjadi sebahagian daripada tenaga buruh Malaysia yang penting, khususnya dalam pembinaan, pembuatan, perladangan dan sektor perkhidmatan, langkah-langkah telah diambil untuk mengatur dari segi undang-undang mengenai kehadiran jumlah besar buruh pendatang tanpa izin. Sehubungan itu, beberapa langkah telah dilaksanakan oleh pihak Kerajaan bagi mengurangkan bilangan pendatang tanpa izin di dalam negara. Pengenalan New Immigration Act 1995/63 (Pindaan 2002) yang dikuatkuasakan pada 1 Ogos 2002, memperuntukkan penalti yang lebih berat kepada majikan yang menggaji pendatang tanpa izin ataupun bagi warga asing yang memasuki Malaysia secara haram. Seramai 318,300 orang pendatang tanpa izin telah dihantar pulang dalam tahun 2002 sebagai langkah mengatur pengambilan pekerja asing secara sistematik.

Pada masa ini, Kerajaan sedang memuktamadkan beberapa perjanjian dengan Indonesia dan Sri

Lanka berkaitan proses dan prosedur pengambilan untuk mengatur kemasukan pekerja asing. Kerajaan bercadang untuk mengadakan perjanjian yang sama dengan lain-lain negara yang membekalkan pekerja asing. Daripada jumlah sebanyak 1.2 juta permohonan pekerja asing yang didaftarkan sejak 1 Mei 2003, Jawatankuasa Teknikal Mengenai Buruh Asing di bawah Kementerian Hal Ehwal Negeri telah meluluskan seramai 67,172 permohonan pada penghujung Julai 2003. Mereka telah diambil untuk bekerja di sektor perladangan (17,730), pembuatan (18,484), perkhidmatan (3,579) dan khususnya di sektor pembinaan (27,379).

Tinjauan 2004

Pertumbuhan KDNK yang lebih kukuh, di sokong oleh prospek sektor yang lebih baik dan sektor domestik yang lebih rancak...

Prospek ekonomi untuk tahun 2004 dijangka memberangsangkan. Pertumbuhan KDNK benar dijangka meningkat dan mencatat pertumbuhan yang lebih tinggi pada kadar 5.5% hingga 6% pada tahun 2004. Pertumbuhan dijangka didorong oleh eksport yang lebih tinggi berikutan prospek yang lebih baik dalam ekonomi dunia manakala permintaan domestik akan terus didorong oleh langkah fiskal dan kewangan yang menggalakkan pertumbuhan. Semua sektor dijangka mencatat pertumbuhan yang lebih tinggi dengan sektor perkhidmatan dan pembuatan akan terus menerajui pertumbuhan KDNK dengan masing-masing menyumbang 3.1 dan 2.2 mata peratusan.

Lebih penting ialah perubahan dalam struktur ekonomi untuk bertumpu kepada sektor perkhidmatan selaras dengan kedudukan negara sebagai ekonomi yang lebih maju. Sektor pertanian akan dibangunkan untuk muncul sebagai jentera pertumbuhan ekonomi yang ketiga. Selaras dengan prospek ekonomi yang lebih baik, pendapatan per kapita dijangka terus meningkat sebanyak 4.3% kepada RM14,954 (2003: 4.8%, RM14,343), sementara pendapatan dari segi pariti kuasa beli juga akan meningkat 5.3% kepada USD9,887 (2003: 6%, USD9,390).

Permintaan Domestik

Permintaan dalam negeri terus kukuh dengan sektor swasta kembali memainkan peranan...

Selaras dengan prospek pertumbuhan ekonomi dunia dan perdagangan antarabangsa yang lebih baik pada tahun 2004 dan juga pemulihan kukuh beberapa negara perindustrian utama dan ekonomi serantau, ekonomi Malaysia dijangka terus kukuh dengan kerancakan aktiviti ekonomi dalam negeri. Oleh itu, **permintaan dalam negeri** (tidak termasuk perubahan dalam stok) dalam nilai benar dijangka meningkat agak kukuh pada kadar 4.7% (2003: 5%), digerakkan sebahagian besar oleh sektor swasta yang kembali memainkan peranan sebagai jentera pertumbuhan ekonomi dan disokong oleh langkah-langkah fiskal dan kewangan yang pro-pertumbuhan.

Dari satu segi, jangkakan peningkatan yang lebih tinggi bagi sentimen keyakinan pengguna dan perniagaan akan meningkatkan **perbelanjaan sektor swasta** sebanyak 7.5% (2003: 4.6%). Walau bagaimanapun, dengan langkah konsolidasi **perbelanjaan sektor awam**, jumlah perbelanjaannya akan merosot 0.1% (2003: 5.8%). Sehubungan itu, sumbangan sektor swasta kepada KDNK benar akan meningkat setinggi 4.3 mata peratusan (2003: 2.6 mata peratusan) berbanding tiada peningkatan dalam sumbangan (0 mata peratusan) oleh sektor awam (2003: 1.9 mata peratusan).

Memandangkan penekanan polisi yang menggalakkan pertumbuhan yang dipacu oleh sektor swasta dengan menyediakan persekitaran yang mesra pelabur serta keadaan permintaan luar yang memberangsangkan, **pelaburan swasta** diramal mencatat pertumbuhan yang agak tinggi sebanyak 9.9% (2003: 2%). Oleh itu, sumbangan pelaburan swasta kepada KDNK dijangka meningkat kepada 10.5% (2003: 10.1%). Ini selaras dengan usaha berterusan Kerajaan untuk menggalakkan sektor swasta, terutamanya pelabur tempatan untuk menceburkan diri dalam bidang pertumbuhan baru, termasuk sektor perkhidmatan dan pertanian. Lebih banyak aktiviti dijangka berlaku dalam industri yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi serta teknologi maklumat, telekomunikasi, pengangkutan dan kewangan. Adalah dijangkakan juga bahawa

industri akan memberi tindak balas yang positif terhadap langkah-langkah dan strategi Kerajaan, termasuk Pakej ke arah penjana pertumbuhan ekonomi negara, dengan menyediakan dana yang berterusan dalam tahun 2004. Di samping itu, pertumbuhan perbelanjaan **penggunaan swasta** akan lebih meluas dan dijangka mencatat pertumbuhan kukuh sebanyak 7% (2003: 5.2%). Peningkatan keyakinan pengguna hasil daripada jangkakan pendapatan boleh guna yang lebih tinggi, peluang pekerjaan yang lebih baik dan kadar faedah yang rendah akan meningkatkan lagi penggunaan swasta.

Selaras dengan dasar untuk mencapai belanjawan berimbang dalam jangka sederhana dan mengurangkan pergantungan yang keterlaluan kepada rangsangan fiskal sektor awam, pelaburan awam dijangka merosot 4.1% (2003: +4.6%). Walau bagaimanapun, Kerajaan akan terus melaksanakan projek pembangunan sosio-ekonomi, terutamanya ke arah transformasi sektor pertanian dan luar bandar berasaskan nilai tambah ekonomi yang lebih dinamik. Langkah-langkah untuk meningkatkan daya saing negara juga akan diteruskan melalui pembangunan sumber manusia, terutamanya untuk meningkatkan kualiti pendidikan di peringkat sekolah rendah dan menengah. Bagi **penggunaan awam**, ianya dijangka meningkat sederhana pada kadar 4.9% (2003: 7.2%) terutamanya bagi tujuan pembayaran gaji dan peningkatan perbelanjaan perkhidmatan dan bekalan.

Tinjauan Mengikut Sektor

Semua sektor mencatat pertumbuhan yang lebih tinggi diteraju oleh sektor pembuatan dan perkhidmatan...

Perkembangan luaran dan pengukuhan ekonomi domestik menunjuk kepada pertumbuhan lebih mantap **sektor pembuatan**. Pertumbuhan dalam industri berorientasi domestik, terutamanya industri elektronik, dijangka akan bertambah kukuh berikutan persekitaran ekonomi negara serantau yang lebih baik, khususnya antara ASEAN dan Asia Timur. Usaha mempromosikan penggunaan domestik serta kemajuan ke arah

produk nilai ditambah lebih tinggi, akan terus mendorong pertumbuhan industri berorientasi domestik. Menyedari proses pembangunan yang sedang dilaksanakan, purata nilai tambah sektor pembuatan dijangka akan mencatat pertumbuhan lebih kukuh 7.2%.

Sektor **pertanian** dijangka meningkat 3%, terutamanya disebabkan oleh pengeluaran minyak sawit yang lebih tinggi berikutan peningkatan dalam kawasan tanaman kelapa sawit yang telah matang di Sabah dan Sarawak. Penggunaan kelapa sawit yang lebih tinggi dalam aktiviti pemprosesan hiliran akan meningkatkan lagi pertumbuhan sektor ini. Disamping itu, hasil sehektar kelapa sawit, getah dan koko dijangka meningkat, sejajar dengan usaha berterusan dalam penanaman baka baru tanaman tersebut yang memberi hasil lebih tinggi. Penangkapan ikan laut dijangka meningkat sejajar dengan kemudahan dan kelengkapan yang lebih baik diberikan kepada nelayan di bawah Pakej.

Berikutan ekonomi dalam negeri yang bertambah kukuh, permintaan untuk tenaga dijangka terus meningkat. Pengeluaran gas asli dijangka meningkat sebanyak 11.6% disebabkan perkembangan kapasiti pengeluaran sementara pengeluaran petroleum mentah dijangka terus berada pada paras 600,000 tong sehari (tidak termasuk kondensat). Justeru itu, pertumbuhan nilai ditambah sektor perlombongan dijangka meningkat sebanyak 3.5%.

Sektor **pembinaan** dijangka terus disokong oleh sub-sektor harta tanah, didorong oleh langkah dan insentif yang diperkenalkan di bawah Pakej untuk merangsang pembinaan dan jualan harta tanah kediaman terutamanya rumah yang mampu dimiliki. Projek infrastruktur awam dan swasta yang sedang berjalan serta kerja pembinaan di luar pantai dalam industri minyak dan gas dijangka akan meningkatkan lagi pertumbuhan sektor ini. Oleh itu, sektor pembinaan dijangka mencatat pertumbuhan agak kukuh sebanyak 2.6%.

Pertumbuhan sektor **perkhidmatan** dijangka menyeluruh, didorong oleh permintaan perkhidmatan yang lebih tinggi untuk

pengangkutan, perhubungan, kewangan dan insurans selaras dengan prestasi ekonomi yang semakin baik, penggunaan di dalam sektor utiliti mencerminkan sektor pembuatan yang cergas. Aktiviti perdagangan dan komersil yang lebih tinggi akan menambah lagi pertumbuhan sektor ini. Oleh itu, sektor perkhidmatan, dijangka menunjukkan pertumbuhan yang lebih rancak dengan 5.5% pada 2004.

Perdagangan Luar Negara

Prestasi ekonomi yang lebih baik dalam suasana pertumbuhan ekonomi dunia dan persekitaran perdagangan yang menggalakkan dijangka memangkin pertumbuhan eksport dan import masing-masing pada kadar 6.4% dan 6.3%. Perkembangan ini dijangka menghasilkan lebihan imbangan perdagangan negara sebanyak RM67,270 juta (2003: RM62,854 juta). Dengan peningkatan eksport pada kadar yang lebih cepat, lebihan dalam akaun barangan dijangka lebih tinggi berjumlah RM86,598 juta (2003: RM81,043 juta). Selaras dengan pemulihan sektor pelancongan dan kedatangan semula pelancong ke tahap sebelum SARS, prestasi akaun perkhidmatan dijangka bertambah baik dan mencatat defisit yang lebih kecil berjumlah RM8,086 juta (2003:-RM8,458 juta).

Prestasi komponen pengangkutan juga dijangka bertambah baik, dengan aliran masuk berkembang lebih cepat sebanyak 2.4%, berbanding jangkaan pertumbuhan 0.9% pada tahun 2003. Namun begitu, pengaliran keluar bersih dalam komponen pengangkutan dijangka berterusan, dan menyumbang 36.7% daripada jumlah pengaliran keluar bersih dalam akaun perkhidmatan. Begitu juga akaun pendapatan dan bayaran pindahan, ianya dijangka mencatat defisit disebabkan oleh penghantaran pulang wang oleh pekerja asing di negara ini. Sungguhpun akaun perkhidmatan dijangka mencatat kedudukan defisit, akaun semasa secara keseluruhannya, dijangka sekali lagi mencatat lebihan yang besar berjumlah RM40,064 juta (2003: RM36,767 juta) mencerminkan kekukuhan berterusan ekonomi dalam negeri.

Kedudukan Sumber Negara

Peningkatan pendapatan eksport dan pengukuhan aktiviti domestik memantapkan lagi kedudukan sumber negara...

Selaras dengan jangkaan peningkatan pendapatan negara yang dihasilkan oleh aktiviti dalam negeri yang menggalakan dan pendapatan eksport yang lebih baik, Malaysia dijangka terus mencatat lebih **jurang tabungan pelaburan** yang besar pada tahun 2004 berjumlah RM40,064 juta atau 9.8% kepada KDNK (2003: RM36,767 juta atau 9.5% kepada KDNK). Kedudukan sumber

negara yang menggalakkan ini mencerminkan kemungkinan **tabungan negara kasar** yang tinggi dari segi peratusan kepada KDNK iaitu 32.2% (2003: 32.8% kepada KDNK). Lebihan ini akan menyediakan dana dalam negeri yang lebih besar bagi pembiayaan sektor swasta dengan kadar yang munasabah bagi menyokong pertumbuhan ekonomi. Dengan perbelanjaan yang lebih rendah, sejumlah 54.7% (RM72,284 juta) daripada tabungan adalah daripada perbelanjaan sektor awam, sementara tabungan swasta akan meningkat sedikit kepada RM59,946 juta (2003: RM57,652 juta).